



Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2022

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (MELAKA)

JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN

KETUA PTJ :

MOHD RASDI BIN ZAINI

KETUA UNIT KUALITI :

NORAZNIRA BINTI ABD RAZAK

PENYELARAS :

SITI NURSYAHIRA BINTI ZAINUDIN

PENULIS :

1. NORAZNIRA BINTI ABD RAZAK
2. NUR MELISSA BINTI MOHAMMAD FAISAL WEE
3. HAJAR IZZATI BINTI MOHD GHAZALLI
4. AIDA NUR BINTI MOHD KODRI
5. NORLIDA BINTI ZAKIRAI @ ZAKARIA
6. AKMAL BIN ADANAN
7. SITI NURSHAHIDAH BINTI SAH ALLAM

8. INTAN MAIZURA BINTI ABDUL RASHID @ ABDUL RAHIM
9. MUHAMMAD FAIRUZ BIN JAMIL
10. NURUL AZLINDA BINTI CHEK TALIB
11. WAN HASMAT BINTI WAN HASAN
12. MASTURA BINTI RONI
13. HAMIDAH BINTI MUHD IRPAN
14. SITI NORMAH BINTI AWANG TUAH
15. NOORAZILAH BINTI IBRAHIM
16. MOHD ZAKI BIN SADIK
17. SITI FAIRUS BINTI FUZI
18. NURUL EMYZA BINTI ZAHIDI
19. NUR HIDAYATULSHIMA BINTI OMAR
20. WAN EFFA BINTI JAAPAR
21. SITI NURSYAHIRA BINTI ZAINUDIN
22. SITI RAMIZAH BINTI JAMA
23. AINON SYAZANA BINTI AB HAMID
24. FATIMAH BINTI HASHIM

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Kanan UiTMCM atau Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) mempergiatkan hala tuju organisasi dengan mengoptimalkan pengurusan kampus yang lebih efektif dari masa ke semasa selaras dengan keperluan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) yang disokong oleh aspirasi UiTM dan Negeri Melaka. Berteraskan nilai **sinergibersama dan sinergitrust dalam memacu jaringan industri dan keusahawanan kampus**, UiTMCM bersedia dalam merangka dan menyokong pelbagai inisiatif serta memastikan keberhasilan sasaran bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K) berterusan agar segenap warga UiTMCM dan pihak berkepentingan lain turut memperoleh manfaatnya. Bagi memastikan perancangan bidang tumpuan tercapai, Pengurusan Kanan telah menetapkan Program TEJA sebagai asas bagi pelaksanaan projek-projek di bawah JI&K UiTMCM.

Perancangan

Tahun 2021 telah mengangkat aras kepimpinan UiTMCM ke peringkat yang lebih tinggi apabila dunia mendepani penularan wabak Covid-19. Pengurusan Kanan memastikan sebarang keputusan dalam perancangan apa jua inisiatif dan gerak kerja dibuat mengikut ketetapan pelaksanaan langkah pencegahan yang diwartakan oleh kerajaan Malaysia. Bagi mempertingkatkan lagi produktiviti kampus, Pengurusan Kanan melalui Unit Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) UiTMCM telah memastikan pemantapan organisasi dan penggunaan sumber manusia yang optima dalam menetapkan aturan bilangan staf untuk tugas projek bidang tumpuan menerusi pendekatan yang lebih sistematik dan holistik.

Pelaksanaan

Pengurusan Kanan telah melaksanakan pembahagian Petunjuk Prestasi (PI) untuk disalurkan menerusi Mesyuarat Pengurusan, Perhimpunan Bulanan, Mesyuarat Akademik, Mesyuarat Fakulti serta lain-lain. Pelaksanaan nilai yang di bawa iaitu sinergibersama dan sinergitrust dalam memacu JI&K kampus memerlukan penglibatan daripada semua peringkat jabatan dalam membantu melaksanakan semua inisiatif seterusnya mencapai sasaran objektif JI&K.

Melalui perancangan awal yang teliti, beberapa program telah dijalankan seperti latihan pembangunan kerjaya dan kepakaran, pemerkasaaan unit ICAN, menggalakkan penglibatan program oleh staf atau pelajar dalam bidang tumpuan, pembudayaan inovasi di kalangan pelajar dan pensyarah juga menghantar penyertaan dalam Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) mahupun pertandingan inovasi.

Pemantauan

Pemantauan pencapaian PI dilakukan secara strategik dan berkala turut menekankan kepentingan pengurusan secara menyeluruh melalui pelaporan kemajuan projek JI&K termasuk risiko yang dihadapi. Cabaran menyiapkan projek dibincangkan bagi mencari jalan penyelesaian terbaik, menjalankan pemantauan bagi mengenalpasti risiko dan merancang strategi pencegahan. Risiko telah dikaji semula bagi menjamin keberhasilan inisiatif-inisiatif JI&K terdahulu dan sedia ada untuk ditambah baik. Pelaksanaan proses pemantauan ini dibincangkan dalam mesyuarat perancangan strategik dan mesyuarat kaji semula pengurusan seterusnya proses pengauditan bagi mengkaji hasil maklumbalas yang diterima daripada staff, pelajar atau peserta program yang dilaksanakan. Hasilnya, beberapa projek JI&K yang dijalankan oleh UiTMCM telah disesuaikan dengan inisiatif penambahbaikan seperti contoh bengkel, kursus dan latihan yang bersesuaian.

Tindakan Penambahbaikan

Pengurusan Kanan melakukan penambahbaikan melalui analisis input melalui beberapa

kaedah contohnya kaji selidik yang dijalankan di setiap bahagian termasuk pelanggan UiTMCM. Data yang diperolehi antaranya daripada sistem Smart, e-aduankaji selidik "Happiness Index" mahupun daripada maklum balas oleh staf, pelajar dan peserta terlibat dalam setiap program JI&K. Hasil dapatan maklumbalas ini dibincangkan dalam mesyuarat terlebih dahulu bagi melihat kebolehlaksanaan dan keberkesanan setiap maklumbalas tersebut dalam menghasilkan program JI&K yang lebih berkualiti daripada sebelumnya dan lebih berimpak tinggi pada masa akan datang mampu seterusnya melonjakkan UiTMCM ke arah Kompetensi Global 2021.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Sasaran pendekatan yang menyeluruh ke arah mencapai objektif bidang tumpuan JI&K setiasa diterapkan dalam kepimpinan Pengurusan Kanan UiTMCM dengan memastikan keterlibatan semua warga UiTMCM, pemegang taruh dan pihak berkepentingan. Demi menggerakkan pencapaian objektif dan inisiatif strategik yang berkualiti, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 (PPPM 2015-2025) menjadi teras rujukan dan panduan Pengurusan Kanan dalam menyokong dasar kerajaan tersebut. Falsafah Pendidikan Negara ini menjadi asas kepada pendidikan seimbang dalam membangunkan aspirasi pelajar. Aspirasi ini telah menetapkan 'Kemahiran Berfikir' di kalangan pelajar dan juga menggariskan sasaran Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang daripada teras strategik 1 (Kualiti Pendidikan untuk projek keusahawanan) dan sasaran Transformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi. Hal ini mampu mencapai aspirasi sistem dan aspirasi pelajar daripada teras strategik 2 iaitu Kecemerlangan Global dengan tema strategik Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni ([Rujuk 1.2.1 PPM \(2015-2025\)](#)).

Selaras dengan Pelan Strategik UiTM 2025, Pengurusan Kanan mendukung aspirasi Ahli Lembaga Pengurusan Universiti (ALPU) dan Majlis Eksekutif Universiti (MEU) yang menjurus kepada inisiatif bidang tumpuan ([Rujuk 1.2.2: Pelan Strategik UiTM 2025](#)). Justeru, Pengurusan Kanan UiTMCM telah membentuk Program Teja yang dipecahkan kepada Projek InFac untuk memperluaskan jaringan kerjasama industri dan Projek Usahawan Bestari untuk mempertingkatkan aktiviti keusahawanan ([Rujuk 1.2.3 Pelan Strategik UiTMCM 2020-2025](#)).

Selari dengan Program Teja tersebut, dua Objektif strategik (OS) khas untuk JI&K telah dikenalpasti iaitu :

OS 1 : Memperkasa jaringan strategik bersama industri

OS 2: Menghasilkan graduan seimbang dan berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global dibentuk bagi mencapai bidang tumpuan

Bagi mencapai OS 1 adalah dengan menyokong inisiatif penganjuran program kolaborasi dengan industri untuk UiTMCM menjalankan lebih banyak MOU/MOA 2021 bersama industri sebegini dapat memantapkan jaringan strategik UiTMCM dengan industri seterusnya mewujudkan peluang keusahawanan. Berteraskan nilai Sinergibersama dan Sinergitrust, OS 1 telah dicapai melalui beberapa Projek InFac seperti Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) atau lebih dikenali sebagai 1 Student 1 Skill (OS1S), geran industri MOA & MOU dan lain-lain. Manakala bagi mencapai OS 2 pula, Pengurusan Kanan memberi galakan penuh penglibatan warga UiTMCM khususnya para pelajar dalam Projek Usahawan Bestari yang memfokuskan kepada aktiviti penjaan pendapatan juga sebagai platform latihan keusahawanan kepada para peserta seperti contoh projek Teja Batik dan Teja Honey. Menerusi Amanat Rektor 2021 inisiatif-inisiatif JI&K tersebut telah pun diwartakan sebagai inisiatif utama 2021 sebagai Inisiatif Rektor 2021 yang akan dicapai ([Rujuk 1.2.4 Projek Utama Inisiatif Rektor 2021](#)).

Pengurusan kanan semestinya amat fokus dalam mempergiatkan usaha ke arah pencapaian OS ini dengan menggunakan pendekatan untuk memperoleh kejayaan, dan penghargaan dalam pelbagai anugerah samada daripada UiTM mahupun UiTMCM seperti contoh Anugerah Bestari ICAN, Anugerah MeTIC 2021, Pencapaian Skor 6 Bintang, Majlis Hari Inovasi juga memperoleh pengiktirafan dari pihak luar. Pendekatan seperti ini adalah selari dengan hasrat dan aspirasi utama Ketua Menteri Melaka melalui saranan dalam Melakaku Maju Jaya 2035 yang mensasarkan Melaka sebagai negeri usahawan, seterusnya Naib Canselor UiTM dan Rektor UiTMCM yang mewakili seluruh Pengurusan Kanan ke arah ketampakan imej universiti di mata dunia ([Rujuk 1.2.5 Sumber Amanat Pemimpin 2021](#)).

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_K01_KB02_20221_UiTMCM_1.2.1 PPPM 2015-2025 \(Pendidikan Tinggi\).pdf](#)
2. [K0062_K01_KB02_20222_UiTMCM_1.2.2 Pelan Strategik UiTM 2025.pdf](#)
3. [K0062_K01_KB02_20223_UiTMCM_1.2.3 Pelan Strategik UiTMCM 2020-2025.pdf](#)
4. [K0062_K01_KB02_20224_UiTMCM_1.2.4 Projek Utama Inisiatif Rektor 2021.pptm.pdf](#)
5. [K0062_K01_KB02_20225_UiTMCM_1.2.5 Sumber Amanat Pemimpin 2021.pptx.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa bersedia dan peka terhadap kehendak dan amanat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kerajaan Negeri Melaka, serta Pengurusan Tertinggi UiTM yang dijadikan teras dalam membantu merangka objektif strategik ke arah memacu kemajuan hala tuju kampus. Justeru, kaedah perluasan yang efektif telah dilaksanakan agar penyampaian maklumat berkenaan usaha serta keterlibatan warga UiTMCM dalam projek bidang tumpuan JI&K dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Pengurusan Kanan sentiasa memastikan keterlibatan secara langsung mahupun tidak langsung bersama pemegang taruh dilaksanakan sebaiknya selain daripada menjaga hubungan baik dengan industri. Antara usaha tersebut adalah dengan menghadiri program utama dan mesyuarat anjuran Kerajaan Negeri, menerima dan membuat kunjung hormat dan turut hadir perbincangan khas bersama Kepimpinan Tertinggi UiTM. Keterlibatan Pengurusan Kanan UiTMCM ini adalah bertujuan untuk memperkukuhkan perancangan mahupun mempertingkatkan lagi kualiti projek bidang tumpuan JI&K sekaligus membuktikan hubungan baik dengan semua pihak termasuklah industri menjadi teras kepada projek jaringan industri antara kedua belah pihak. Bagi menjayakan projek bidang tumpuan tersebut, Pengurusan Kanan memanfaatkan inisiatif kunjung hormat dan siri perbincangan khas ([Rujuk 1.3.1 Keterlibatan UiTMCM Bersama Pemegang Taruh dan Industri](#)).

Selaras dengan penglibatan Pengurusan Kanan dalam mencapai sasaran OS, maka penetapan projek utama bidang tumpuan menerusi pendekatan dan perancangan strategik (PS) yang efektif telah disalurkan kepada pemiliknya iaitu PJI melalui Koordinator Keusahawanan (MASMED) dan Koordinator ICAN. Manakala PSTU pula bertindak sebagai penyelar projek inisiatif dan OS untuk memantau kelancaran dan menggerakkan inisiatif bidang tumpuan bagi mencapai sasaran petunjuk prestasi yang telah ditetapkan. Inisiatif ini adalah mengikut ketetapan seperti yang digariskan dalam Pelan Tindakan JI&K yang telah diselarikan dengan Petunjuk Prestasi (PI) ([Rujuk 1.3.2 Penetapan PI & Pelan Tindakan Strategik JI&K](#)).

Selari dengan kehendak Pemegang Taruh, Pengurusan Kanan seterusnya melaksanakan penyebaran informasi tersebut kepada seluruh warga UiTMCM agar dapat direalisasikan secara kolektif. Antara inisiatif penyebaran tersebut adalah menerusi program dan aktiviti dalaman seperti Amanat Rektor, Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Akademik, Perhimpunan Bulanan staf, Minggu Destinasi Siswa (MDS) serta mesyuarat khas projek bagi perbincangan lanjut perkembangan kemajuan projek ([Rujuk 1.3.3 Kaedah Penyebarluasan UiTMCM](#)). Inisiatif ini berjalan seperti yang dirancang walaupun bagaimanapun, pematuhan SOP Covid-19 yang telah digariskan masih dipatuhi di mana terdapat juga kaedah penyebaran ini dijalankan secara langsung dalam talian.

Proses penyebaran ini turut dipraktikkan dengan penganjuran inisiatif program atau aktiviti pemeraksanaan program dan juga yang memberi ruang latihan dalam peningkatan pengetahuan dan kemahiran para peserta sebagai persediaan awal mahupun melengkapkan siri penganjuran program JI&K itu sendiri ([Rujuk 1.3.4 Inisiatif Pemanapan Program JI&K](#)). Seterusnya, segala bentuk inisiatif tersebut disebarluaskan lagi menerusi peranan hebahan maklumat melalui media sosial rasmi UiTMCM seperti hebahan program utama, pelaporan kemajuan dan pelaksanaan mahupun hasil-hasil kejayaan kampus khususnya berkaitan bidang tumpuan turut dibuat di peringkat umum ([Rujuk 1.3.5 Hebahan Media Sosial Rasmi UiTMCM](#)). Dengan ini, ketampakan UiTMCM di pelbagai peringkat akan lebih diperlihatkan secara meluas sekaligus mengangkat kredibiliti serta imej kampus.

SENARAI BUNTI

1. [K0062_K01_KB03_20221_UiTMCM_1.3.1 Keterlibatan UiTMCM Bersama Pemegang Taruh dan Industri.pptx.pdf](#)
2. [K0062_K01_KB03_20222_UiTMCM_1.3.2 Penetapan PI & Pelan Tindakan Strategik JI&K.pptm.pdf](#)
3. [K0062_K01_KB03_20223_UiTMCM_1.3.3 Kaedah Penyebarluasan UiTMCM.pptx.pdf](#)
4. [K0062_K01_KB03_20224_UiTMCM_1.3.4 Inisiatif Pemantapan Program JI&K.pptx.pdf](#)
5. [K0062_K01_KB03_20225_UiTMCM_1.3.5 Hebahan Media Sosial Rasmi UiTMCM.pptx.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan Kanan mengambil berat setiap maklum balas daripada pemegang taruh UiTMCM yang dijadikan sumber kepada proses pemantauan bertujuan memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan dan pelaksanaan gerak kerja projek mahupun program UiTMCM sentiasa berjalan lancar. Khusus untuk projek bidang tumpuan JI&K, pemantauan amatlah dititik beratkan kerana ia menjadi asas kepada semakan terhadap kualiti perjalanan dan kemajuan projek bidang tumpuan. Kaedah utama yang digunakan adalah melalui kaji selidik yang dijalankan di setiap bahagian, unit, mahupun melalui penganjuran program yang diisi oleh staf, pelajar, para peserta program juga pihak lain yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

Beberapa praktis kaji selidik dan pengumpulan data telah diamalkan di UiTMCM antaranya seperti Kajian Kepuasan Hati UiTM, dan kaji selidik kepuasan pelanggan Kajian Pengesanan Graduan, Sistem Maklumat Analisa Repositori (SMART), Sistem MyENT, digunakan untuk penambahbaikan perkhidmatan, dan penganjuran program-program JI&K ([Rujuk : 1.4.1.1 Kaedah Kaji Selidik dan Pengumpulan Data](#)). Segala data tersebut akan dijadikan rujukan untuk menghasilkan input yang digunakan dalam perbincangan, mesyuarat atau pembentangan gerak kerja dan kemajuan projek bidang tumpuan khususnya.

Selaras dengan usaha dapatan data daripada kaedah pemantauan tersebut, Pengurusan Kanan sentiasa memastikan agar proses ini berjalan dengan mengikut ketetapan beberapa garis panduan UiTM dan UiTMCM agar pelan pemantauan terhadap sistem operasi dan pelaksanaan bidang tumpuan JI&K dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Antaranya dasar tersebut adalah Piagam Pelanggan PJI UiTMCM, Garis Panduan dan Polisi Jaringan Industri UiTM, Dasar Pengurusan Risiko UiTM, Dasar Tadbir Urus UiTM ([Rujuk : 1.4.1.2 Rujukan Pelan Pemantauan UiTMCM](#)).

Bagi menyokong usaha ini, lantikan pentadbir akademik UiTMCM (koordinador dan penyelar) telah diletakkan di bawah PJI melalui Koordinator ICAN dan Koordinator Keusahawanan (MASMED) seterusnya di bawah Unit Kualiti dan Unit Pengurusan Risiko, serta melalui jawatankuasa program/projek yang dibentuk ([Rujuk 1.4.1.3 Carta Organisasi Unit Pengurusan Risiko UiTMCM dan Jawatankuasa Program](#)). Pelantikan ini bertujuan untuk mengurus dan menyalurkan hasil dapatan serta pelaporan berkala kepada Pengurusan Kanan untuk tindakan pemantauan dibuat dari masa ke masa ([Rujuk 1.4.1.4 Lantikan Pentadbir Akademik](#)).

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_K01_KB04_KC01_20221_UiTMCM_1.4.1.1 Kaedah Kaji Selidik dan Pengumpulan Data.pdf](#)
2. [K0062_K01_KB04_KC01_20222_UiTMCM_1.4.1.2 Rujukan Pemantauan UiTMCM.pdf](#)
3. [K0062_K01_KB04_KC01_20223_UiTMCM_1.4.1.3 Carta Organisasi Unit Pengurusan Risiko UiTMCM dan Jawatankuasa Program.pdf](#)
4. [K0062_K01_KB04_KC01_20224_UiTMCM_1.4.1.4 Lantikan Pentadbir Akademik_edited.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa memastikan segala perancangan dan pelaksanaan JI&K berjalan lancar di bawah proses pemantauan yang efektif. Berpandukan Dasar Pengurusan Risiko UiTM, langkah-langkah mengenalpasti risiko tertentu terhadap setiap satu projek bidang tumpuan telah diambil menggunakan teknik serta strategi analisis mengikut klasifikasi risiko telah dibuat bersama PSTU ([Rujuk 1.4.2.1 : Menenalpasti Risiko UiTMCM](#)). Antaranya adalah risiko pengurusan strategik, risiko kewangan dan risiko operasi yang dikaitkan dengan Analisis SWOT UiTM. Ini adalah bertujuan untuk memastikan risiko-risiko yang dijangkakan dalam pengoperasian projek dapat diminimalkan dan disusuli dengan cadangan penambahbaikan seterusnya menjaga hubungan baik dengan pihak-pihak berkepentingan dalaman dan luaran UiTMCM ([Rujuk 1.4.2.2 Analisis SWOT UiTM & Pihak Berkepentingan](#)).

Justeru, beberapa jenis pelaporan risiko melalui pembentangan kemajuan dan pencapaian projek/program bidang tumpuan adalah dimestikan untuk dimajukan oleh koordinator, penyelaras mahupun pengarah projek/program tersebut. Antara jenis-jenis pelaporan yang dilazimi oleh UiTMCM antaranya adalah seperti Laporan Pencapaian PI Jaringan Industri dan Keusahawanan, Laporan Petunjuk Prestasi (PI) UiTMCM, Laporan Status Pencapaian PS UiTMCM (dijana melalui sistem e-PI Drive), Laporan Kepuasan Hati Pelanggan Terhadap Perkhidmatan, UiTM Happiness Index dan lain-lain lagi ([Rujuk : 1.4.2.3 : Jenis Pelaporan Pemantauan Risiko](#)).

Hasil komitmen Pengurusan Kanan dan sumber manusia yang terlibat dalam proses mengenalpasti risiko-risiko bidang tumpuan berjaya diperolehi. Antara contoh risiko projek jaringan industri yang dihadapi oleh ICAN berkenaan dengan kelewatan penyediaan laporan kerana kekurangan maklumat atau data. Manakala bagi risiko projek keusahawanan Teja Honey adalah mengenai ketidakcekapan sistem pembayaran madu kelulut yang dari awalnya dilakukan secara manual menerusi akaun peribadi pengelola projek dan hal ini telah dilihat akan timbulnya risiko pembelian tanpa rekod dan penyalahgunaan wang jualan dijangkakan boleh berlaku ([Rujuk : 1.4.2.4 Contoh Pelaporan Risiko Bidang Tumpuan JI&K](#)). Oleh itu, Pengurusan Kanan UiTMCM iaitu TRPJI telah mengambil tindakan proaktif dengan mengadakan mesyuarat bersama penyelaras terlibat dan menyerahkan tugas untuk memastikan proses mengkaji semula dan membuat tindakan penambahbaikan risiko tersebut ke arah lebih sistematik. Justeru, hasil proses penilaian risiko ini telah dapat meminimumkan impak risiko kepada staf dan pelanggan, mengoptimal operasi, serta memaksimumkan produktiviti.

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_K01_KB04_KC02_20221_UiTMCM_1.4.2.1 Menenalpasti Risiko UiTMCM.pdf](#)
2. [K0062_K01_KB04_KC02_20222_UiTMCM_1.4.2.2 Analisis SWOT UiTM & Pihak Berkepentingan.pdf](#)
3. [K0062_K01_KB04_KC02_20223_UiTMCM_1.4.2.3 Jenis Pelaporan Pemantauan Risiko.pdf](#)
4. [K0062_K01_KB04_KC02_20224_UiTMCM_1.4.2.4 Contoh Pelaporan Risiko Bidang Tumpuan JI&K.pdf](#)
- 5.

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCM sentiasa menekankan pencegahan dan penambahbaikan bagi meningkatkan kecekapan dalam semua aspek pengurusan bagi memastikan kecemerlangan dalam penyampaian operasi dan perkhidmatan serta pelaksanaan projek/program khususnya bidang tumpuan. Oleh itu, Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa memberi penekanan kepada proses pemantauan, kenal pasti risiko seterusnya adalah proses mengkaji semula dan membuat tindakan penambahbaikan. Setiap maklumat yang diterima melalui kepuasan pelanggan dan maklumbalas, pencapaian objektif kualiti, prestasi proses, keputusan pemantauan dan pengukuran projek bidang tumpuan sentiasa diperhalusi oleh Pengurusan Kanan. Justeru, pihak-pihak terlibat dalam projek bidang tumpuan turut menerima panggilan hadir ke mesyuarat bagi membentangkan laporan gerak kerja, permasalahan serta kemajuan projek bidang tumpuan masing-masing untuk diperbincangkan bagi merangka strategi penambahbaikan bagi meminimalkan risiko ([Rujuk : 1.4.3.1 Mesyuarat dan Perbincangan Projek Bidang Tumpuan](#)). Penggunaan platform ini membolehkan Pengurusan Kanan untuk memastikan bahawa projek bidang tumpuan dilaksanakan dengan mengikut ketetapan garis panduan serta dasar yang telah ditetapkan UiTM amnya dan UiTMCM secara khususnya juga mengikuti ketetapan garis masa masing-masing.

Pengurusan Kanan telah mengambil beberapa pendekatan yang strategik dalam proses mengkaji semula permasalahan dan kemajuan projek bidang tumpuan secara teliti seterusnya diperbincangkan untuk tujuan dapatan tindakan penambahbaikan. Antara penambahbaikan yang telah dibuat adalah seperti contoh bagi permasalahan risiko bidang tumpuan jaringan industri menghasilkan tindakan yang proaktif apabila PJI telah mewujudkan emel ICAN Melaka dan menyediakan Google Form khas contohnya pendaftaran program/aktiviti bidang tumpuan bagi membolehkan Ketua Projek memuat naik data yang diperlukan dalam Sistem SMART. Selain itu, penambahbaikan bagi risiko projek Teja Honey pulak adalah dengan saranan Pengurusan Kanan agar pembukaan akaun khas untuk hasil jualan Teja Honey melalui Bendahari Kampus Alor Gajah dilakukan agar sistem jualan dan rekod hasil jualan produk lebih efektif dan selamat ([Rujuk : 1.4.3.2 Tindakan Penambahbaikan Risiko](#)).

Selaras dengan matlamat Pengurusan Kanan dalam mencapai OS dengan risiko yang minima, terdapat juga inisiatif tambahan sokongan seperti memberi peringatan mesra penghantaran pelaporan dan memberi penghargaan contohnya pihak PJI menawarkan surat penghargaan sebagai penyumbang data. Tambahan lagi, penganjuran program-program latihan dan penyertaan bengkel halatuju bidang tumpuan juga merupakan tindakan ke arah penambahbaikan bagi pengurusan risiko ([Rujuk : 1.4.3.3 Inisiatif Sokongan Tindakan Pengurusan Risiko](#)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_K01_KB04_KC03_20221_UiTMCM_1.4.3.1 Mesyuarat dan Perbincangan Projek Bidang Tumpuan.pdf](#)
2. [K0062_K01_KB04_KC03_20222_UiTMCM_1.4.3.2 Tindakan Penambahbaikan Risiko.pdf](#)
3. [K0062_K01_KB04_KC03_20223_UiTMCM_1.4.3.3 Inisiatif Sokongan Tindakan Pengurusan Risiko.pdf](#)
- 4.
- 5.

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Sokongan penuh Pengurusan Kanan terhadap proses integrasi hasil kejayaan ketiga-tiga kampus UiTMCM sentiasa menjadi keutamaan dalam menggerakkan sumber manusia untuk sentiasa berusaha demi mencapai senarai sasaran OS projek JI&K. Integrasi penglibatan staf ketiga-tiga kampus diyakini dalam melaksanakan penambahbaikan kepada sistem operasi dan perkhidmatan dengan kepelbagaian kepakaran staf khususnya dalam menyampaikan perkhidmatan dan melaksanakan projek bidang tumpuan. Buktinya, UiTMCM telah berjaya meningkatkan prestasi dan menaikkan nama UiTM di peringkat global apabila menerima beberapa apresiasi daripada pihak luar yang turut mengiktiraf kemampuan UiTMCM dan membuktikan kewibawaan Pengurusan Kanan UiTMCM yang bertauliah ini dalam merealisasikan projek bidang tumpuan ([Rujuk 1.5.1 Penghargaan, Pencapaian, dan Pengiktirafan UiTMCM](#)).

Oleh itu, bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga UiTMCM atas usaha dan kecemerlangan yang dikecapi, UiTMCM turut menzahirkan penghargaan dan pengiktirafan di peringkat cawangan dengan penyampaian anugerah kategori program dan individu menerusi Majlis Hari Inovasi 2021 dan Anugerah Bestari ICAN 2021 telah memberi beberapa penghargaan terhadap pencapaian program. Antaranya adalah Program 1 Student 1 Skill (SLDN) yang menerima Anugerah Program Kerjasama Industri Terbaik apabila program ini mendapat dana sebanyak RM180,000 daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran dan telah menjadikan UiTM merupakan satu-satunya universiti awam di Malaysia yang diberikan pentauliah ([Rujuk 1.5.2 Senarai Pemenang Anugerah MSHI & ABICAN 2021](#)).

UiTMCM turut melakar kejayaan dalam menjaga hubungan baik dengan industri apabila turut menerima pencapaian menerusi Anugerah MeTIC 2021 apabila mendapat Tempat Kedua Kategori MOU/MOA Terbaik. Di samping itu, pentauliahan kepakaran juga telah diberikan oleh Kementerian Sumber Manusia atas dasar kepercayaan terhadap kemampuan UiTMCM dalam mengendalikan projek bidang tumpuan melalui Program SLDN ([Rujuk 1.5.3 Penghargaan Anugerah MeTIC 2021 dan Pentauliah SLDN](#)).

Hasil siri kejayaan projek ini telah membuktikan bahawa Pengurusan Kanan menitikberatkan peluang membentuk integrasi melalui kerjasama strategik daripada pelbagai agensi. Lawatan penanda aras dari Universiti Melaka (KUIM) dan pihak Profesional Mutawwif Development Sdn. Bhd. telah membuktikan bahawa pendekatan, penyebaran dan pembelajaran yang dipraktikkan oleh UiTMCM mendapat pengiktirafan dan menjadi contoh kepada institusi seangkatan dengannya. Selain itu, Pengurusan Kanan turut membuat lawatan kunjung hormat ke agensi luar bagi memperkukuhkan integrasi kedua-dua pihak ([Rujuk 1.5.4 Lawatan Penandas dan Kunjung Hormat ke UiTMCM 2021](#)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_K01_KB05_20221_UiTMCM_1.5.1 Penghargaan, Pencapaian, dan Pengiktirafan UiTMCM.pdf](#)
2. [K0062_K01_KB05_20222_UiTMCM_1.5.2 Senarai Pemenang Anugerah MSHI & ABICAN 2021.pptx.pdf](#)
3. [K0062_K01_KB05_20223_UiTMCM_1.5.3 Penghargaan Anugerah MeTIC 2021 dan Pentauliah SLDN.pptx.pdf](#)
4. [K0062_K01_KB05_20224_UiTMCM_1.5.4 Lawatan Penanda aras dan Kunjung Hormat](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Nilai **Sinergibersama dan Sinergitrust dalam memacu jaringan industri dan keusahawanan kampus** cetusan Pengurusan Kanan UiTMCM dibudayakan dan dihayati pelanggan agar PS UiTMCM 2025 mencapai sasaran melalui pelaksanaan **Program TEJA**. Proses Perancangan Strategik (PS) PS UiTMCM 2025 melibatkan seluruh warga walaupun berhadapan pelbagai cabaran dan risiko ketika penularan Covid-19 serta pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Cabaran semasa menuntut PS UiTMCM 2025 lebih berinovasi, fokus mengurangkan kebergantungan dana dan meningkatkan produktiviti bagi mencapai sasaran pelaksanaan bidang tumpuan

Perancangan

Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa memastikan perancangan projek bidang tumpuan selari dengan objektif dan inisiatif strategik yang menyokong aspirasi Universiti, KPT, Kerajaan Negeri Melaka dan keperluan semasa. PS UiTMCM 2025 yang menyokong bidang tumpuan, iaitu Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K) adalah dari teras Kepimpinan berpandukan Model Hala Tuju Strategik UiTM yang dipetakan dalam dokumen PS. Setelah pemetaan projek bidang tumpuan diselarikan dengan objektif strategik dan inisiatif strategik, Pengurusan Kanan UiTMCM membentuk struktur PS UiTMCM 2025. Struktur ini terdiri daripada Rektor (Ketua Pengarah), Timbalan Rektor PJI (Pengarah Program) dan Koordinator Keusahawanan (Pengurus Projek) dilaksanakan bagi inisiatif keusahawanan. Manakala struktur yang sama untuk inisiatif jaringan industri kelolaan Koordinator ICAN (Pengurus Projek).

Pelaksanaan

Pelan Penyebarluasan PS UiTMCM 2025 menumpukan pelanggan UiTMCM. Pelbagai platform seperti mesyuarat, bengkel/latihan, perasmian majlis/program dan media digunakan untuk aktiviti penyebaran PS UiTMCM 2025. Selain pelan penyebaran, Pengurusan Kanan UiTMCM turut membentuk pelan pemantauan PS UiTMCM. Kaedah pemantauan seperti bengkel, mesyuarat, soal selidik dan pelaporan pencapaian projek inisiatif dipantau secara berkala (setiap bulan) oleh Pengurusan Kanan UiTMCM untuk tindakan pencegahan/penambahbaikan. Analisis data daripada pelbagai sumber pelanggan UiTMCM dijana sebagai asas PS.

Pemantauan

Risiko berkaitan dengan bidang tumpuan adalah risiko strategik, risiko kewangan dan risiko operasi. Risiko-risiko ini dikenalpasti oleh pasukan projek semasa PS UiTMCM dan sepanjang proses pelaksanaan projek bidang tumpuan. Setiap risiko yang dikenalpasti disusuli cadangan penambahbaikan. Cadangan ini dimajukan oleh Penyelaras Strategik Transformasi Unit (PSTU) kepada Pengurusan Kanan UiTMCM untuk tindakan selanjutnya. Pelan Pemantauan PS UiTMCM dibentuk bagi mengenalpasti risiko sepanjang proses projek inisiatif dilaksanakan. Senarai risiko ini dikenalpasti oleh Pengarah Program dan Pengurus Projek melalui SWOT analisis daripada panduan dasar yang berkenaan bidang tumpuan. Proses penilaian risiko yang dibudayakan dalam UiTMCM telah meminimumkan impak risiko kepada pelanggan, mengoptimum tenaga kerja, minimum kos perbelanjaan dan memaksimumkan produktiviti.

Setiap bulan, Pengurusan Kanan UiTMCM melaksanakan mesyuarat/bengkel semak semula PS UiTMCM 2025. Status pencapaian projek dilaporkan oleh Pengurus Projek/KPP untuk tindakan PSTU melaksanakan pembentangan kepada Pengurusan Kanan UiTMCM. Proses semak semula dilaksanakan bagi mendapatkan penyelesaian mengatasi risiko pelaksanaan projek PS. Setiap cadangan penyelesaian pasti berlandaskan kos minimum, optimum aset sedia ada dan memaksimumkan produktiviti kampus.

Tindakan

Setiap PS yang strategik mesti mempunyai proses yang sistematik. Hasil daripada maklumbalas oleh Pengurus Projek/KPP membawa kepada inisiatif e-Pldrive oleh Penyelaras PSTU. e-Pldrive menggunakan aplikasi Google Form yang membolehkan pelaporan dilaksanakan serentak oleh semua Pengurus Projek/KPP dan e-Pldrive menggalakkan Pengurus Projek/KPP membuat pelaporan berkala setiap bulan berbanding pelaporan sebelumnya. Lebih memberangsangkan tentang inovasi PS UiTMCM 2025 adalah pengumpulan bukti pencapaian turut dimuatnaik dalam templat yang sama, di mana e-Pldrive menjadi salah satu hub data UiTMCM.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Tahun 2021 pastinya mencabar buat Pengurusan Kanan UiTMCM apabila berhadapan dengan penularan wabak Covid-19 dan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan oleh kerajaan, namun Perancangan Strategik UiTMCM (PS UiTMCM) yang sistematik, difahami dan dihayati oleh seluruh warganya menjadikan pelaksanaan PS UiTMCM lebih efektif bagi mencapai bidang tumpuan. Sinergibersama dan sinergitrust dalam memacu jaringan industri dan keusahawanan kampus merupakan nilai aspirasi oleh Pengurusan Kanan UiTMCM untuk dihayati oleh seluruh warga kampus. Cabaran semasa menuntut perancangan strategik (PS) UiTMCM lebih berinovasi, mengurangkan kos dan meningkatkan produktiviti bagi mencapai pelaksanaan bidang tumpuan. Perkongsian pintar bersama industri, sokongan sumber manusia yang proaktif dan proses PS UiTMCM yang sistematik menjadikan UiTMCM terkehadapan.

Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa memastikan perancangan projek bidang tumpuan selari dengan objektif dan inisiatif strategik yang menyokong aspirasi Universiti, KPT dan keperluan semasa industri seperti Kerajaan Negeri Melaka ([rujuk 2.2.1: Input PS UiTMCM](#)). PS UiTMCM 2025 yang menyokong bidang tumpuan, iaitu industri dan keusahawanan adalah dari Pelan Strategik UiTM 2025. Bagi mencapai bidang tumpuan PS UiTMCM adalah berdasarkan Teras Strategik 1: Kualiti Pendidikan untuk projek keusahawanan, manakala bagi projek jaringan industri adalah merujuk Teras Strategik 2: Kecemerlangan Global. PS UiTMCM 2025 turut menyahut aspirasi Kerajaan Negeri Melaka dalam Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035, Flagship 5 untuk menjadikan Melaka negeri usahawan. Maka, Objektif Strategik (OS) dibentuk selari dengan input PS UiTMCM bagi membentuk program, projek dan inisiatif strategik bagi mencapai bidang tumpuan.

OS PS UiTMCM 1: memperkasa jaringan strategik bersama industri, manakala OS PS UiTMCM 2: menghasilkan graduan seimbang dan berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global dibentuk bagi mencapai bidang tumpuan. Pelan tindakan jaringan industri ([rujuk 2.2.2: Pelan Tindakan Jaringan Industri](#)) dan keusahawanan ([rujuk 2.2.3: Pelan Tindakan Keusahawanan](#)) merupakan blueprint rujukan Pengurusan Kanan UiTMCM dalam mencapai bidang tumpuan. OS PS UiTMCM ini diselarikan dengan Petunjuk Prestasi (PI) yang diturunkan oleh BTU kepada kampus.

Bagi mencapai OS PS UiTMCM dalam bidang tumpuan, Pengurusan Kanan membentuk Program Teja khusus kepada perancangan projek dan inisiatif jaringan industri serta keusahawan. Bagi aktiviti jaringan industri, projek InFac dibentuk untuk mengumpul dan memusatkan semua inisiatif jaringan industri kampus. Manakala, bagi inisiatif keusahawanan, projek Usahawan Bestari dibentuk untuk mengumpul dan memusatkan semua aktiviti keusahawanan ([rujuk 2.2.4: SAP Jaringan Industri dan Keusahawanan](#)). Pembentukan struktur pelaksana yang diketuai Rektor (Ketua Pengarah), Timbalan Rektor PJI (Pengaroh Program) dan Koordinator Keusahawanan (Pengurus Projek) dilaksanakan bagi inisiatif keusahawanan. Manakala struktur yang sama untuk inisiatif jaringan industri kelolaan Koordinator ICAN (Pengurus Projek). Semua maklumat ini dimuatnaik dalam Sistem Strategic Action Plan (SAP) untuk pemantauan Pengurusan Kanan UiTMCM yang lebih sistematik.

Kesimpulannya, proses PS UiTMCM yang sistematik adalah berpandukan Model proses PS UiTMCM ([rujuk 2.2.5: Model proses PS UiTMCM](#)) yang diadaptasi daripada Model PS UiTM 2025. Elemen utama PS UiTMCM adalah Nilai, Tema PS, Teras PS, Objektif PS, Inisiatif PS, Pelaksana PS dan Matlamat PS. Model ini digunapakai untuk mencapai PS Jaringan Industri dan Keusahawanan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_P01_PB02_20221_UiTMCM_2.2.1_Input_Pelan_Perancangan_Strategik.pdf](#)
2. [K0062_P01_PB02_20222_UiTMCM_2.2.2_Pelan_Tindakan_Strategik_Jaringan_Industri.pdf](#)
3. [K0062_P01_PB02_20223_UiTMCM_2.2.3_Pelan_Tindakan_Strategik_Keusahawanan.pdf](#)

4. [K0062_P01_PB02_20224_UiTMCM_2.2.4_SAP_Jaringan_Industri_dan_Keusahawanan.pdf](#)
5. [K0062_P01_PB02_20225_UiTMCM_2.2.5_Model_Proses_PS_UiTMCM.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pembentukan objektif strategik dan inisiatif strategik PS UiTMCM tertakluk kepada Pelan Strategik UiTM 2025 yang selari dengan Agenda Nasional (Rancangan Malaysia Kedua Belas tahun 2021-2025 (RMKe-12), Agenda Kementerian Pengajian Tinggi (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia: Pengajian Tinggi) ([rujuk 2.3.1: PS UiTMCM 2021-2025](#)). Bagi memastikan objektif dan inisiatif strategik UiTMCM difahami dan dihayati oleh seluruh pelanggan UiTMCM, Pengurusan Kanan UiTMCM telah membentuk Pelan Tindakan Penyebarluasan ([rujuk 2.3.2: Pelan Tindakan Penyebarluasan](#)).

Bagi seluruh warga kampus yang terdiri daripada staf akademik, staf sokongan dan pelajar, PS UiTMCM disebarluaskan melalui Amanat Rektor 2021. Jemputan kepada semua warga UiTMCM dari Kampus Alor Gajah, Kampus Bandaraya Melaka dan Kampus Jasin dilaksanakan melalui email dan peringatan mesra melalui ketua jabatan. Barisan Majlis Perwakilan Pelajar turut dijemput untuk sama-sama memahami dan menghayati aspirasi Pengurusan Kanan dalam memacu hala tuju kampus untuk mencapai bidang tumpuan ([rujuk 2.3.3: Amanat Rektor 2021](#)).

Selain platform majlis Amanat Rektor, Pengurusan Kanan giat menyebarkan PS UiTMCM bagi mencapai bidang tumpuan melalui platform MoU bersama industri. Kolaborasi bersama industri ini secara langsung memberi pendedahan kepada rakan strategik industri tentang aspirasi dan Agenda UiTM di samping Agenda Nasional tumpuan ([rujuk 2.3.4: Senarai MoU UiTMCM 2021 bersama rakan strategik industri](#)). Sesi menandatangani MoU bersama rakan strategik industri merupakan strategi Pengurusan Kanan untuk menyebarkan PS UiTMCM 2025 bukan sahaja di peringkat nasional, malah menjangkau ke persada global. Aktiviti MoU bersama rakan strategik industri membentuk aktiviti pengantarabangsaan yang membuka platform kepada pelajar luar negara menyertai aktiviti anjuran UiTMCM (inbound) dan warga UiTMCM menyertai aktiviti anjuran rakan strategik (outbound).

Penganjuran aktiviti daripada MoU ini membuka ruang dan peluang kepada Pengurusan Kanan UiTMCM untuk menyebarkan PS UiTMCM 2025 kepada kumpulan sasaran luar negara berkenaan bidang tumpuan. Ucapan Aluan dan Perasmian oleh Rektor UiTMCM adalah fokus menyatakan hala tuju UiTMCM melaksanakan aktiviti bidang tumpuan. Lebih 200 pelajar dan pensyarah daripada Binus University hadir dalam sesi perasmian majlis tersebut. Di samping itu, strategik penyebaran daripada MoU ini turut membuka ruang kepada Warga Binus University untuk memahami Agenda Nasional dan Agenda UiTM sebagai objektif yang ingin dicapai melalui penganjuran program IVSC 2021 ([rujuk 2.3.5: Aktiviti MoU dan Penyebarluasan PC UiTMCM](#)). Oleh itu, Pelan Penyebarluasan yang dibentuk oleh Pengurusan Kanan UiTMCM ini secara langsung berjaya menyebarkan Agenda Nasional dan Agenda UiTM di peringkat nasional dan di persada global. Bukan itu sahaja, pelan penyebaran ini juga turut bermanfaat kepada pelanggan UiTMCM untuk memahami dan menghayati PS UiTMCM 2025

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_P01_PB03_20221_UiTMCM_2.3.1 PS UiTMCM 2021-2025.pdf](#)
2. [K0062_P01_PB03_20222_UiTMCM_2.3.2 Pelan Tindakan Penyebarluasan.pdf](#)
3. [K0062_P01_PB03_20223_UiTMCM_2.3.3 Amanat Rektor UiTCM 2021 K2.pdf](#)
4. [K0062_P01_PB03_20224_UiTMCM_2.3.4 Senarai MoU UiTMCM 2021 bersama Rakan Strategik.pdf](#)
5. [K0062_P01_PB03_20225_UiTMCM_2.3.5 Aktiviti MoU dan Penyebarluasan PC UiTMCM.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Setelah pelaksanaan PS UiTMCM, proses pemantauan melalui kaedah survei ke semua pelanggan UiTMCM dilaksanakan. Rekod Pemantauan Projek, Data Kajian Pengesanan Graduan, Data Konvokesyen, Laporan Aduan dari FMS, UNITS, Laporan Audit Dalam/Luar dan kaji selidik kepuasan pelanggan dari inisiatif Pengurusan Kanan UiTMCM dilaksanakan di setiap bahagian dan unit UiTMCM adalah kaedah pengukuran bagi memperolehi maklumbalas daripada seluruh pelanggan UiTMCM ([rujuk 2.4.1.1: Carta Alir Pengukuran UiTMCM](#)) dan proses ini dipantau oleh Pengurusan Kanan UiTMCM sebagai asas tindakan penambahbaikan. Pemantau Data membentangkan input daripada Pelanggan UiTMCM melalui siri mesyuarat yang dilaksanakan secara berkala ([rujuk 2.4.1.2: Siri Mesyuarat PS UiTMCM](#)). Cadangan tindakan penambahbaikan diputuskan oleh Kepimpinan Kanan UiTMCM untuk tindakan Ketua Fakulti/Bahagian/Unit. Data dijana oleh Pemantau Data.

Kaedah pemantauan PS UiTMCM dilaksanakan secara berkala (setiap bulan) oleh Pengurusan Kanan UiTMCM sebagai rujukan Ketua Fakulti/Bahagian/Unit ([rujuk 2.4.1.3: Fakulti/Bahagian/Unit PS UiTMCM](#)). Perkara ini dinyatakan dalam Pelan Pemantauan PS UiTMCM 2021-2025 ([rujuk 2.4.1.4: Pelan Pemantauan PS UiTMCM](#)). Pelaporan pencapaian PS dilaporkan oleh Ketua Fakulti/Bahagian/Unit kepada PSTU dan dimurnikan untuk pembentangan kepada Rektor. Pelaporan ini diberikan status Capai, Belum Capai, Tidak Capai dan Gugur. Bagi status selain Capai, Ketua Fakulti/Bahagian/Unit melapor justifikasi pencapaian bagi mengenalpasti faktor halangan pencapaian sasaran PS UiTMCM untuk tindakan penambahbaikan oleh Pengurusan Kanan UiTMCM ([rujuk 2.4.1.5: Laporan Pencapaian PS UiTMCM](#)).

Bagi penambahbaikan pelaporan PS UiTMCM, inovasi dilaksanakan bagi pengumpulan data. Jika 2020, proses ini dilaksanakan secara manual, namun tahun 2021 telah ditambahbaik dengan pelaporan data dan bukti pencapaian dilaksanakan secara automatik dalam sistem e-Pldrive UiTMCM yang dibangunkan oleh PSTU. Inovasi ini adalah impak besar kepada PS dalam pengurusan data dan penyebaran pengetahuan/maklumat untuk pelanggan UiTMCM. Inovasi pelaporan ini berkesan dalam memastikan setiap PS bagi mencapai bidang tumpuan dilaksanakan secara sistematik beserta bukti pelaporan. Data ini turut membantu Pengurusan Kanan UiTMCM dalam membuat keputusan yang lebih strategik.

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_P01_PB04_PC01_20221_UiTMCM_2.4.1.1 Carta Alir Pengukuran UiTMCM 2021.pdf](#)
2. [K0062_P01_PB04_PC01_20222_UiTMCM_2.4.1.2 Siri Mesyuarat PS UiTMCM.pdf](#)
3. [K0062_P01_PB04_PC01_20223_UiTMCM_2.4.1.3 Fakulti Bahagian Unit PS UiTMCM.pdf](#)
4. [K0062_P01_PB04_PC01_20224_UiTMCM_2.4.1.4 Pelan Pemantauan PS UiTMCM.pdf](#)
5. [K0062_P01_PB04_PC01_20225_UiTMCM_2.4.1.5 Laporan Pencapaian PS UiTMCM.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko berkaitan dengan bidang tumpuan adalah risiko manusia, risiko reputasi, risiko kewangan dan risiko operasi ([rujuk 2.4.2.1: dokumen risiko](#)). Risiko-risiko ini dikenalpasti oleh pasukan projek semasa perancangan dan sepanjang proses pelaksanaan projek bidang tumpuan. Maklumat risiko ini dipetakan di dalam dokumen Pemetaan Risiko dan OS ([rujuk 2.4.2.2: dokumen pemetaan projek inisiatif dan risiko](#)). Setiap risiko yang dikenalpasti disusuli cadangan penambahbaikan. Cadangan ini dimajukan oleh PSTU kepada Pengurusan Kanan UiTMCM untuk tindakan selanjutnya. Pelan Pemantauan PS UiTMCM dijalankan bagi mengenalpasti risiko projek inisiatif ([rujuk 2.4.2.3 : risiko setiap projek inisiatif](#)).

Bagi Program TEJA, Pengurus Projek telah mengenalpasti risiko pelaksanaan, iaitu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mengakibatkan kegagalan menjana pendapatan di bawah kesukaran semasa ([rujuk 2.4.2.4: dokumen daftar risiko](#)). Projek berimpak ini dilaksanakan kerana produktiviti hasil daripada projek ini dapat menjana kewangan, meningkatkan ketampakan UiTMCM melalui aktiviti perundingan dan memperluaskan kolaborasi UiTMCM bersama industri. Risiko projek pelajar berimpak rendah (keusahawanan) dari kekangan melakukan projek secara fizikal dikalangan pelajar/staf dan mendedahkan UiTMCM dengan risiko reputasi bagi melahirkan insan berkualiti.

Seterusnya, pengenalanpastian risiko melalui program Persidangan V-MIIEx berhadapan risiko kewangan sedangkan projek ini mempunyai impak kepada Kecemerlangan Global. Pada tahun 2021, berlaku penguncupan bajet yang disalurkan kepada UiTMCM. Jika risiko projek ini tidak di atasi. UiTMCM berhadapan dengan risiko reputasi apabila program yang melibatkan universiti-universiti luar negara terpaksa dibatalkan dan ini menjejaskan imej UiTMCM.

Kesimpulannya, Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa peka bahawa PS UiTMCM berdepan pelbagai risiko termasuk risiko yang dijangka sepanjang tempoh pelaksanaan projek itu bermula sehingga projek tersebut siap. Proses penilaian risiko yang dibudayakan dalam UiTMCM membantu meminimumkan impak risiko kepada pelanggan, mengoptimum tenaga kerja, minimum kos perbelanjaan dan memaksimumkan penjanaan. Hal ini meningkatkan produktiviti UiTMCM dari segi penjanaan pendapatan, memampakan kualiti perkhidmatan dan melestarikan ketampakan UiTMCM melalui kejayaan dari projek PS UiTMCM.

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_P01_PB04_PC02_20221_UiTMCM_2.4.2.1 dokumen risiko.pdf](#)
2. [K0062_P01_PB04_PC02_20222_UiTMCM_2.4.2.2 dokumen pemetaan projek inisiatif dan risiko.pdf](#)
3. [K0062_P01_PB04_PC02_20223_UiTMCM_2.4.2.3 risiko setiap projek inisiatif.pdf](#)
4. [K0062_P01_PB04_PC02_20224_UiTMCM_2.4.2.4 dokumen daftar risiko.pdf](#)
- 5.

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Setiap bulan, Pengurusan Kanan UiTMCM melaksanakan mesyuarat/bengkel PS UiTMCM bagi memastikan semua Ketua Fakulti/Bahagian/Unit memahami halatuju UiTMCM dan memastikan pencapaian UiTMCM sentiasa cemerlang dan berdaya saing menjadi kampus terbaik ([rujuk 2.4.3.1: Anugerah Fakulti/Bahagian/Unit Terbaik](#)). Status pencapaian projek PS UiTMCM dilaporkan oleh Ketua Fakulti/Bahagian/Unit untuk tindakan PSTU melaksanakan pembentangan kepada Pengurusan Kanan UiTMCM. Projek InFac dan Projek Usahawan Bestari yang berstatus belum capai atau pencapaian progres yang rendah diberi perhatian pada sesi semak semula ini. Pengurus Projek telah mengenalpasti risiko pelaksanaan, iaitu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mengakibatkan kegagalan menjana pendapatan di bawah kesukaran semasa. Risiko ini dikenalpasti melalui analisa risiko berdasarkan projek inisiatif ([rujuk 2.4.3.2 : risiko setiap projek inisiatif](#)). Strategi mencapai objektif pengurusan Program TEJA khusus kepada perancangan projek dan inisiatif jaringan industri serta keusahawanan adalah pemantauan secara berkala dilaksanakan untuk mencegah kegagalan daripada risiko yang terlibat. Oleh itu, tindakan penambahbaikan terhadap risiko yang dinyatakan adalah dapat diatasi ([rujuk 2.4.3.3: email Tindakan SAP](#)).

Tindakan penambahbaikan ini meminimumkan kos dan memaksimumkan produktiviti UiTMCM. Program Persidangan V-MIIEx yang berhadapan risiko kewangan pada 2021 berjaya diatasi dengan meneruskan juga persidangan melalui kerjasama pensyarah dengan universiti-universiti luar. Hasilnya, V-MIIEx telah berjaya menjana pendapatan sebanyak RM78,700 untuk UiTMCM ([rujuk 2.4.3.4 : penjanaan V-MIIEx](#))

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_P01_PB04_PC03_20221_UiTMCM_2.4.3.1 Anugerah Fakulti Bahagian Unit Terbaik.pdf](#)
2. [K0062_P01_PB04_PC03_20222_UiTMCM_2.4.3.2 risiko setiap projek inisiatif.pdf](#)
3. [K0062_P01_PB04_PC03_20223_UiTMCM_2.4.3.3 email Tindakan SAP.pdf](#)
4. [K0062_P01_PB04_PC03_20224_UiTMCM_2.4.3.4 penjanaan V-MIIEx.pdf](#)
- 5.

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

PS UiTMCM telah melalui proses lengkap yang sistematik sehingga menjadi rujukan lawatan penanda aras setiap tahun dan 2021 melaporkan UiTMCM menerima lawatan daripada Kolej Universiti Islam Melaka (kini, Universiti Melaka). Lawatan Naib Canselor bersama Pengurusan Kanan KUIM ([rujuk 2.5.1: Lawatan Naib Canselor KUIM](#)) bertujuan untuk melihat tadbir urus dan PS UiTMCM. Delegasi KUIM ke UiTMCM turut disertai oleh Pendaftar dan Bendahari KUIM. Delegasi ini turut dibawa ke Pejabat TRPJI untuk penerangan tentang fungsi dan strategi Bahagian PJI bagi mencapai bidang tumpuan ([rujuk 2.5.2: Delegasi KUIM](#)).

Selain lawatan penanda aras, bukti PS UiTMCM mempunyai integrasi di antara proses efisien dan sumber manusia proaktif adalah pengumpulan data serta pelaporan yang telah di inovasi daripada konvensional kepada digital. Tahun 2016 sehingga 2020 (pertengahan tahun), pelaporan PS UiTMCM adalah secara manual ([rujuk 2.5.3: Revolusi Pelaporan PS UiTMCM](#)). Setiap Pengurus Projek/Ketua Pusat Pengajian (KPP) perlu melaporkan progres serta pencapaian projek di dalam format .doc (Microsoft Word). Wujud pelbagai permasalahan seperti ketepatan pelaporan dan data pencapaian yang diragui. Hal ini mencetuskan isu integriti data UiTMCM.

Penambahbaikan proses PS membawa kepada inovasi e-Pldrive yang menggunakan aplikasi Google Form dan membolehkan pelaporan dilaksanakan serentak oleh Pengurus Projek/KPP. e-Pldrive juga menggalakkan Pengurus Projek/KPP membuat pelaporan berkala setiap bulan berbanding pelaporan sebelumnya 2 hingga 4 bulan sekali. Lebih menerujakan tentang inovasi PS UiTMCM 2025 adalah pengumpulan bukti pencapaian dimuatnaik dalam templat yang sama. Hal menyelesaikan isu pelaporan tanpa bukti dan pelaporan bukti yang tidak berpusat. e-Pldrive sepe hub data PS UiTMCM 2025 yang merangkumi data sasaran, pencapaian, bukti dan pelaporan ini turut dipantau secara terus oleh Pengurusan Kanan UiTMCM secara berkala ([rujuk 2.5.4: e-Pldrive Manual Pengguna](#)). Kini, e-Pldrive menjadikan proses PS UiTMCM 2025 lebih sistematik dan hasilnya sasaran PI yang diberikan kepada UiTMCM berjaya dicapai.

Selain itu, PS UiTMCM cetus satu lagi inovasi melalui Anugerah Bestari ICAN 2021. Ini bagi menggalakkan pelaporan projek bidang tumpuan turut dilaporkan terus kepada ICAN UiTMCM. Hasil inovasi ini beberapa projek berimpak tinggi berjaya mendapat sokongan Pengurusan Kanan UiTMCM sehingga mencapai pengiktirafan di peringkat nasional dan global ([rujuk 2.5.5: Hasil inovasi PS UiTMCM](#)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_P01_PB05_20221_UiTMCM_2.5.1_Lawatan_Naib_Canselor_KUIM.pdf](#)
2. [K0062_P01_PB05_20222_UiTMCM_2.5.2_Lawatan_Delegasi_KUIM.pdf](#)
3. [K0062_P01_PB05_20223_UiTMCM_2.5.3_Evolusi_Kaedah_Pelaporan_PS_UiTMCM.pdf](#)
4. [K0062_P01_PB05_20224_UiTMCM_2.5.4_ePldrive_manual_pengguna_dan_bukti_pelaporan.](#)
5. [K0062_P01_PB05_20225_UiTMCM_2.5.5_Hasil_inovasi_PS_UiTMCM.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa memberikan tumpuan kepada maklumbalas pelanggan dan pihak yang berkepentingan bagi tujuan penambahbaikan. Selain itu, Pengurusan Kanan sentiasa mendukung usaha PJI dalam memberikan perkhidmatan pelanggan berkualiti, selari dengan peningkatan produktiviti yang dihasilkan bagi menyokong Program TEJA. UiTMCM telah menambahbaik penawaran perkhidmatan universiti kepada pelanggan misi, pelanggan proses, pelanggan dalaman dan pelanggan luaran. Kejayaan pelaksanaan program ini secara langsung meningkatkan kualiti penawaran perkhidmatan UiTMCM kepada pelanggan dan ketampakan UiTMCM dalam memacu jaringan industri dan keusahawanan kampus.

Perancangan

Pengurusan Kanan UiTMCM menjadikan data maklumbalas pelanggan sebagai asas Perancangan Strategik (PS). **Sinergibersama dan Sinergitrust dalam memacu jaringan industri dan keusahawanan kampus** merupakan aspirasi cetusan oleh Rektor UiTMCM 2021 bagi memastikan bidang tumpuan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin melalui pelaksanaan Program TEJA.

Pelaksanaan

Bagi memastikan kualiti perkhidmatan UiTMCM dicapai, perancangan strategik dilaksanakan bagi mengoptimum sumber manusia dan aset sedia ada. Keterlibatan pelanggan dalaman dan luaran bagi mencapai bidang tumpuan digerakkan serentak bagi memastikan pelaksanaan projek inisiatif mencapai status tamat. Bagi memberi prasarana yang kondusif kepada pelanggan, pelbagai kemudahan asas dan sistem disediakan oleh pihak UiTMCM dalam menggerakkan jaringan industri dan keusahawanan

Pemantauan

Proses pemantauan dan maklumbalas daripada semua pelanggan sentiasa diambil kira dari setiap masa. Dapatan kajian yang dijalankan, laporan audit dalaman/ luaran dan maklumbalas pelanggan dianalisis untuk tindakan penambahbaikan. Kepuasan hati setiap pelanggan yang terdiri daripada dalaman dan luaran adalah menjadi agenda utama dalam Piagam Pelanggan UiTMCM khususnya. Tambahan lagi, kaedah pemantauan seperti borang soal selidik, audit dalam dan luar yang diadakan pada setiap tahun adalah sangat membantu bagi memastikan semua risiko (sekiranya wujud) dapat dikenalpasti dengan segera dan langkah penambahbaikan dapat diambil dengan segera. Oleh itu, pengurusan risiko di UiTMCM adalah sangat efisien sebagai langkah pencegahan dan tindakan penambahbaikan.

Penambahbaikan

Ketua Fakulti/Bahagian/Unit melaporkan tindakan penambahbaikan bagi memastikan aduan dan maklumbalas pelanggan berjaya dilaksanakan. Pelaporan tindakan penambahbaikan diselia oleh Pengurusan Kanan UiTMCM secara sistematik dan berkala. Di peringkat Fakulti/Bahagian/Unit, terdapat AJK yang bertindak untuk memantau pencapaian dan mengenalpasti tindakan penambahbaikan bagi memastikan pelaksanaan projek bidang tumpuan. Proses transformasi pengumpulan dan pemusatan data pelanggan telah dilakukan secara kreatif bagi mengoptimumkan lagi keupayaan sumber disamping mengurangkan kos operasi. Contohnya, pembangunan sistem SMART/NILAM banyak membantu pelanggan dalaman iaitu para akademik dan bukan akademik untuk merekod jumlah MoU dan MoA yang telah dihasilkan di UiTMCM.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa fokus dalam menawarkan perkhidmatan yang lebih efisien mengikut keperluan pelanggan. Pelanggan-pelanggan UiTMCM terdiri daripada kumpulan sasar yang boleh dikategorikan kepada empat jenis iaitu Pelanggan Misi, Pelanggan Proses, Pelanggan Dalaman dan Pelanggan Luaran. Kumpulan sasar bagi Pelanggan Misi adalah seperti Kementerian Pengajian Tinggi dan industri. Bagi Pelanggan Proses pula, kumpulan sasar melibatkan staf pentadbiran dan akademik, pelajar, alumni dan juga komuniti. Manakala untuk Pelanggan Dalaman, kumpulan sasar terdiri daripada staf akademik dan staf bukan akademik, serta yang terakhir adalah Pelanggan Luaran yang melibatkan kumpulan sasar seperti universiti, industri, agensi kerajaan, komuniti dan alumni. Bagi bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K) UiTMCM menumpukan kepada 5 golongan sasar iaitu Pelajar, Staf, Industri, Komuniti dan Alumni.

Amanat Naib Canselor dan Amanat Rektor adalah asas kepada penawaran perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan UiTMCM. Dalam Amanat Rektor 2021, keutamaan pelanggan UiTMCM dizahirkan dalam Inisiatif Utama 2021 ([rujuk 3.2.1: Amanat Rektor 2021](#)). Terdapat tiga inisiatif utama, iaitu pendidikan berkualiti, prestasi berorientasikan nilai dan kecemerlangan global. Inisiatif pendidikan berkualiti fokus kepada pelajar, inisiatif prestasi berorientasikan nilai bertumpu kepada alumni yang juga pemain industri, manakala kecemerlangan global bertumpu kepada kolaborasi bersama universiti/industri/kerajaan dan komuniti. Bagi kolaborasi bersama Kerajaan Negeri, inisiatif ini dinyatakan dalam projek utama PJI di bawah ICAN dan keusahawanan.

Selain itu, penawaran perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan bagi mencapai bidang tumpuan adalah berasaskan Piagam Pelanggan PJI UiTMCM ([rujuk 3.2.2: Piagam Pelanggan PJI](#)). Dinyatakan jelas bahawa Pengurusan Kanan melalui TRPJI fokus untuk mengadakan sekurang-kurangnya 10 aktiviti keusahawanan dan jaringan industri berkatian penglibatan masyarakat setiap tahun dan mengadakan sekurang-kurangnya dua aktiviti kesukarelawanan/kelestarian persekitaran dijalankan setiap tahun. Piagam Pelanggan PJI UiTMCM turut fokus mengadakan sekurang-kurangnya dua program keusahawanan setiap tahun. Piagam ini secara langsung membuktikan pendekatan pelanggan yang dilaksanakan oleh Pengurusan Kanan.

Selain Piagam Pelanggan, dokumen PS UiTMCM 2025 yang menyokong kepada Agenda UiTM ([rujuk 3.2.3: Agenda UiTM](#)) turut menjadi asas kepada penawaran perkhidmatan berkualiti bagi mencapai bidang tumpuan. Melalui Tema Strategik Graduan Seimbang dan berciri Keusahawanan, Pengurusan Kanan memastikan pelajar mencapai pendidikan berkualiti melalui pendedahan kepada pengalaman bersama industri serta kemahiran menjadi usahawan. Di samping itu, Tema Strategik yang berfokuskan untuk mewujudkan perkongsian pintar bersama industri, komuniti dan alumni adalah untuk meningkatkan ketampakan UiTMCM di peringkat nasional dan global.

Justeru itu, Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa peka terhadap tuntutan di setiap peringkat pelanggan bagi memastikan penawaran perkhidmatan terbaik dan hal ini dizahirkan dalam Model Pengurusan Pelanggan UiTMCM ([rujuk 3.2.4: Model Pengurusan Pelanggan UiTM](#)). Pengurusan Kanan mengenalpasti kehendak pelanggan UiTMCM melalui Program TEJA untuk mencapai bidang tumpuan. Pelaksanaan projek jaringan industri dan komuniti melalui penganjuran aktiviti seperti bengkel/latihan, perkongsian pintar dan khidmat kepakaran yang di sumbangkan kepada Staf, Alumni, Industri dan Komuniti menjamin kepuasan pelanggan UiTMCM. Kecekapan Pengurusan Kanan dalam memastikan kehendak pelanggan dipenuhi menjadi asas kepada kepuasan pelanggan ([rujuk 3.2.5: Trend Kepuasan Pelanggan UiTMCM](#)).

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_T01_TB02_20221_UiTMCM_3.2.1 Amanat Rektor UiTCM 2021.pdf](#)
2. [K0062_T01_TB02_20222_UiTMCM_3.2.2 Piagam Pelanggan PJI UiTMCM.pdf](#)
3. [K0062_T01_TB02_20223_UiTMCM_3.2.3 Agenda UiTM.pdf](#)
4. [K0062_T01_TB02_20224_UiTMCM_3.2.4 Model Pengurusan Pelanggan.pdf](#)
5. [K0062_T01_TB02_20225_UiTMCM_3.2.5 Trend Kepuasan Pelanggan UiTMCM.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan Kanan UiTMCM mengumpul semua data pelanggan untuk mendapatkan maklumbalas dan bertujuan untuk membuat penambahbaikan. Data dikumpul daripada setiap bahagian/unit untuk dianalisa. Maklumat kepuasan pelanggan dijadikan asas untuk memenuhi keperluan pelanggan dari semasa ke semasa khususnya terhadap perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan kepada pelanggan. UiTMCM menggunakan beberapa cara untuk mengumpul maklumbalas pelanggan:

Bagi pengumpulan data pelanggan proses, segala data/ maklumat inovasi dan pengkomersilan yang melibatkan pelajar, staf akademik dan staf bukan akademik disimpan menerusi Google Drive. Selain itu, proses pengemaskini maklumat pendaftaran hakcipta & pengkomersilan secara berkala (bulanan) turut dilaksanakan. ([Rujuk 3.3.1: Maklumat pendaftaran hakcipta & pengkomersilan](#))

Data pelanggan dalaman adalah antara data yang paling banyak dan penting di Bahagian Pusat Penyelidikan dan Jaringan Industri, Untuk itu, bagi pengumpulan data Pelanggan dalaman seperti Staf akademik dan bukan akademik, sistem pengumpulan data MyRA digunakan bagi merekod data staf akademik dan bukan akademik, penyelidikan, geran, perundingan dan inovasi bagi staf UiTMCM. ([Rujuk 3.3.2 :Laman google sites MyRA UiTMCM](#))

Bagi pengumpulan data dan pengurusan permohonan geran nasional, antarabangsa dan swasta, sistem iReS digunakan oleh PJI bagi tujuan perekodan. Unit ICAN turut merekod data pelanggan khususnya di bawah Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) dan Bahagian Hubungan Industri (BHI). Penyediaan laporan program/data jaringan komuniti dan industri UiTMCM direkodkan menerusi Sistem SMART. Bagi pengumpulan data semua pelaporan dokumen MoU/MoA/Lol di antara UiTMCM dengan semua pemegang taruh/universiti disimpan dalam Google Drive PJI. ([Rujuk 3.3.3 ceraian minit MBPJI 1/2021](#))

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_T01_TB03_20221_UiTMCM_3.3.1_Maklumat pendaftaran hakcipta pengkomersilan.pdf](#)
2. [K0062_T01_TB03_20222_UiTMCM_3.3.2_Sistem pengumpulan data MyRA.pdf](#)
3. [K0062_T01_TB03_20223_UiTMCM_3.3.3_CERAIAN MINIT MBPJI 1.pdf](#)
- 4.
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pelbagai transformasi terhadap perkhidmatan dan kemudahan telah pun dijalankan bagi memberikan kepuasan optimum kepada pelanggan. Berikut adalah kebaikan dan ganjaran yang didapati oleh pelanggan daripada perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan.

Bizwomen merupakan satu program berimpak tinggi dan memberi ganjaran kepada komuniti golongan B40 khususnya ibu tunggal di Melaka. Melalui Program Bizwomen, golongan sasar dapat meningkatkan pendapatan mereka melalui bantuan pemasaran produk dan menjalankan perniagaan menerusi dalam talian. Berdasarkan pelaporan yang dibuat, sebanyak 50% peserta berjaya meningkatkan pendapatan mereka setelah menyertai program ini dengan salah seorang peserta berjaya membuat jualan sehingga RM10,000; iaitu bersamaan dengan 300% peningkatan hasil jualan ketika Covid-19. ([Rujuk 3.4.1.1: Laporan Impak Bizwomen K3](#)). Selain komuniti, ia juga memberi ganjaran dan manfaat kepada staf akademik yang merupakan juga tenaga pengajar (trainer) kepada industri dan dapat meningkatkan ekonomi negara secara amnya.

Ganjaran kepada pelanggan dalaman dalam bentuk geran penyelidikan dalaman sebanyak RM 5,000 bagi menggalakkan penyelidikan berimpak tinggi di kalangan staf akademik selain membuka peluang kepada lebih ramai pensyarah untuk menghasilkan teori, konsep dan idea baru dalam penyelidikan. Bagi tahun 2021, seramai 30 orang pensyarah UiTMCM berjaya menerima geran dalaman ini membawa jumlah RM 150,000 ([Rujuk 3.4.1.2 Senarai penerima Geran](#)). Geran dalaman ini dikenali sebagai Geran Dalaman Teja ([Rujuk 3.4.1.3 Poster dan maklumat Geran Dalaman Teja](#)).

Di antara ganjaran yang diterima oleh pelanggan proses iaitu pelajar adalah menerusi pertandingan inovasi iaitu Virtual Melaka International Intellectual Exposition 2021 (V-MiiEx 2021) bertemakan 'Creativity in The New Norms'. Pertandingan ini memberikan pendedahan kepada pelajar berkenaan penghasilan produk-produk yang boleh dicipta mengikut kesesuaian semasa. Kategori-kategori yang dipertandingkan adalah kategori inovasi, rekacipta, rekabentuk dan juga kategori khas iaitu pandemik. Terdapat sebanyak 107 kumpulan daripada pelajar-pelajar ketiga kampus yang telah ditaja sepenuhnya oleh UiTMCM melibatkan semua kategori. ([Rujuk 3.4.1.3 buku V-MiiEx](#))

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_T01_TB04_TC01_20221_UiTMCM_3.4.1.1_bizwomen.pdf](#)
2. [K0062_T01_TB04_TC01_20222_UiTMCM_3.4.1.2_SENARAI PENERIMA GERAN TEJA 2021 UiTM CAWANGAN MELAKA.pdf](#)
3. [K0062_T01_TB04_TC01_20223_UiTMCM_3.4.1.3_Poster geran dalaman teja-7.pdf](#)
4. [K0062_T01_TB04_TC01_20224_UiTMCM_3.4.1.4_V-MIIEx Book-1-3.pdf](#)
- 5.

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Antara risiko yang telah dikenalpasti yang menjejaskan pelaksanaan atau kejayaan pencapaian maklum balas pelanggan adalah terdiri daripada risiko operasi dan reputasi yang mana melibatkan pelanggan luaran yang melibatkan kumpulan sasaran seperti universiti, industri, agensi kerajaan, komuniti dan alumni

Antara isu yang selalu timbul adalah berkenaan tatacara varikasi data yang telah didaftarkan di dalam sistem SMART/NILAM. Sebagai contoh, jumlah data yang didaftarkan tidak selari dengan dengan jumlah data di dalam laporan induk. Ini akan menyebabkan MoU dan MoA yang dibuat tidak diktiraf di antara UiTMCM dan agensi/ industri yang dilantik. Oleh hal demikian, segala usahasama yang dijalankan akan menjadi sia sia dan memberi imej reputasi buruk kepada UiTMCM di kalangan agensi dan industri Ini secara tidak langsung memberikan risiko kepada PTJ di mana data tidak diambil kira sebagai pencapaian PI di peringkat PTJ. ([Rujuk 3.4.2.1: Risiko Tumpuan Pelanggan](#)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_T01_TB04_TC02_20221_UiTMCM_3.4.2.1_RISIKO PEMASALAHAN.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pihak Pentadbiran terpaksa menghubungi Ketua Projek untuk mendapatkan maklumat atau data yang lengkap bagi melancarkan proses penghantaran dalam Sistem SMART. Prosedur SOP tatacara sistem SMART ditambahbaik untuk memastikan keseragaman proses, di mana pihak pentadbiran PJI telah mewujudkan emel ICAN Melaka. Selain itu, ICAN turut menyediakan Google Form bagi tujuan membolehkan Ketua Projek memuat naik segala maklumat data yang diperlukan dalam Sistem SMART bagi melancarkan proses penghantaran dalam Sistem SMART ([Rujuk 3.4.3.1: Google Form](#)). Penambahbaikan juga dilakukan setelah dibentangkan dalam mesyuarat MKSP dimana kajian kepuasan pelanggan telah berlangsung mengambil kira data daripada pelajar dan juga staff ([Rujuk 3.4.3.2: Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan](#)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_T01_TB04_TC03_20221_UiTMCM_3.4.3.1 Google Form Bagi Data SMART.pdf](#)
2. [K0062_T01_TB04_TC03_20222_UiTMCM_3.4.3.2 LAPORAN KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN UiTMCM.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Budaya **Sinergibersama Dan Sinergitrust Dalam Memacu Jaringan Industri Dan Keusahawanan Kampus**, telah berjaya memenuhi kepuasan pelanggan perlulah dipenuhi secara optimum terutamanya pelanggan dalaman. PJI UiTMCM telah bertindak secara kreatif bagi menghasilkan satu sistem inovasi bagi memudahkan pengumpulan data pelanggan dalaman. Bagi pengumpulan data Pelanggan dalaman seperti Staf akademik dan bukan akademik, sistem pengumpulan data MyRA UiTMCM digunakan bagi merekod data staf akademik dan bukan akademik, penyelidikan, geran, perundingan dan inovasi bagi staf akademik UiTM Cawangan Melaka. Inovasi ini dapat memudahkan PJI untuk mengumpulkan data dengan lebih cepat teratur dan pantas tanpa keciciran data daripada mana-mana staf akademik dan bukan akademik. ([Rujuk 3.5.1: Sistem google site MyRA UiTMCM](#))

Tindakan yang telah diambil oleh pihak UiTMCM amat berkesan dan terbukti dapat meningkatkan bukan sahaja produktiviti malah dapat mencapai objektif untuk memenuhi tanggapan dan kepuasan pelanggan luaran dan dalaman.

Kesimpulannya, di sepanjang tahun 2021, UiTMCM telah melaksanakan berbagai inisiatif bagi mencapai objektif strategik yang telah dirancang oleh Pengurusan Kanan untuk manfaat pelanggan-pelanggan UiTMCM yang terdiri daripada pelbagai kategori. Pengurusan perkhidmatan dan kemudahan yang berkualiti telah memberikan faedah kepada pelanggan-pelanggan UiTMCM.

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_T01_TB05_20221_UiTMCM_3.5.1_Sistem_pengumpulan_data_MyRA.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang merupakan salah satu daripada 10 lonjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Ciri-ciri graduan ini juga adalah selari dengan salah satu daripada 6 atribut aspirasi pelajar iaitu untuk memperkasa kemahiran berfikir yang membawa kepada penghayatan pendapat yang pelbagai, berfikir secara kritikal dan inovatif, berkemahiran menyelesaikan masalah serta berciri keusahawanan.

Seiringan dengan itu, Pelan Strategik (PS) UiTM 2025 dirangka dengan tema strategik antaranya:

1. Perkongsian pintar industri, komuniti & alumni yang mensasarkan 500 MoU/MoA antarabangsa.
2. Graduan seimbang & berciri keusahawanan yang mensasarkan 90% graduan tamat dalam tempoh dan 10% graduan menjadi usahawan.

Perancangan

Menyahut PS UiTM 2025, objektif strategik bagi Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K) di UiTMCM adalah:

1. Memperkasa jaringan strategik bersama industri.
2. Menghasilkan graduan seimbang dan berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global.

Melalui perbincangan di dalam Mesyuarat Perancangan Strategik, Pengurusan Kanan UiTMCM menetapkan pengukuran bagi pencapaian JI&K adalah berpandukan:

1. Petunjuk prestasi (PI) yang ditetapkan oleh UiTM kepada UiTMCM berkaitan JI&K.
2. Objektif kualiti UiTMCM berkaitan JI&K.
3. Tahap kepuasan pelanggan.

Penetapan pengukuran ini mengambil kira perkongsian maklumat daripada semua pelanggan, unit, bahagian dan fakulti kerana Pengurusan Kanan UiTM menerapkan nilai sinergibersama dan sinergitrust.

Pelaksanaan

Nilai **Sinergibersama dan Sinergitrust** yang diterapkan kepada warga UiTMCM mewujudkan hubungan yang baik, bertanggungjawab, berintegriti dan kebergantungan yang tinggi sesama unit, bahagian dan fakulti. Data/laporan yang diperlukan bagi pengukuran pencapaian JI&K dikumpul, dipantau dan dianalisa oleh setiap pegawai bertanggungjawab di peringkat unit, bahagian dan fakulti mengikut skop kerja masing-masing. Pencapaian JI&K secara keseluruhan dikumpul dan dianalisa oleh penyelar PSTU, koordinator ICAN dan Keusahawanan seterusnya disahkan oleh Pengurusan Kanan UiTMCM dan disalurkan kepada BTU.

Pemantauan

Setiap pegawai bertanggungjawab yang terlibat dalam pengurusan data JI&K melaporkan hasil analisa data di dalam mesyuarat unit, bahagian dan fakulti sebagai kaedah pemantauan data. Pelaporan di dalam mesyuarat ini dipantau oleh Pengurusan Kanan UiTMCM dan menjadi medium bagi membincangkan risiko, peluang tindakan pencegahan, masalah yang dihadapi, tindakan penambahbaikan dan hasil analisa keberkesanan penambahbaikan yang telah

diaksanakan bagi pengawalan risiko dan penambahbaikan berterusan.

Penambahbaikan

Contoh penambahbaikan yang telah dijayakan adalah integrasi data di antara PJI dengan bahagian HEA dan HEP bagi mendapatkan program jaringan industri yang dijalankan oleh warga UiTMCM. Usaha ini dilaksanakan hasil cadangan penambahbaikan oleh warga UiTMCM melalui Kajian Kepuasan Pelanggan terhadap Perkhidmatan di UiTMCM (KKP UiTMCM) yang dibentangkan di dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP).

Selain pengumpulan data program jaringan industri daripada setiap fakulti, Pengurusan Kanan UiTMCM melalui TRPJI mengambil langkah proaktif dengan memantau media sosial fakulti berkenaan program jaringan industri yang telah dijalankan. Borang pengumpulan maklumat program jaringan industri mengikut keperluan SMART secara atas talian juga diwujudkan sebagai penambahbaikan penyaluran maklumat kerana kepelbagaian format laporan yang diterima menyukarkan pihak PJI mendaftarkan program di dalam SMART.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

PENGUKURAN BAGI PENCAPAIAN BIDANG TUMPUAN

Perancangan strategik (PS) UiTMCM terhadap JI&K adalah berpandukan dua (2) tema strategik PS UITM 2025, melalui dua (2) objektif strategik iaitu ([rujuk 4.2.1: Perancangan Pengukuran JI&K](#)):

1. Memperkasa jaringan strategik bersama industri.
2. Menghasilkan graduan seimbang dan berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global.

Pengukuran bagi pencapaian bidang tumpuan dirancang semasa Bengkel Perancangan Strategik ([rujuk 4.2.2: Jemputan Mesyuarat Perancangan Strategik](#)). Melalui perkongsian pengetahuan daripada Pengurusan Kanan UiTMCM dan pelaksana inisiatif/projek strategik, pengukuran yang ditetapkan adalah:

1. Petunjuk prestasi (PI) yang ditetapkan oleh UiTM kepada UiTMCM berkaitan JI&K.
2. Objektif kualiti UiTMCM berkaitan JI&K.
3. Tahap kepuasan pelanggan.

PI yang ditetapkan kepada UiTMCM berkaitan JI&K ([Rujuk 4.2.3: PI JI&K UiTMCM](#)).

1. *Percentage of undergraduate being employed.*
2. *Number of alumni successfully became entrepreneurs.*
3. *Number of student undergone industrial experience in multinational companies.*
4. *Number of student undergone industrial experience in top 2000 global companies (Forbes 2000).*
5. *Number of MoU/MoA with internationally recognised companies.*
6. *Number of MoU/MoA with local partners.*
7. *Number of University Social Responsibility programmes (USR).*
8. *Number of Knowledge Transfer Programmes (KTP).*
9. *Total amount received (from external) for USR and KTP programmes.*
10. *Total amount spent (from own funds) for USR and KTP programmes.*
11. *Number of communities receiving/benefiting from the knowledge/technology diffusion projects.*
12. *Number of alumni expert service programme.*
13. *Percentage of student entrepreneurs.*
14. *Number of student's business received capital assistance.*
15. *Number of entrepreneur educator expert.*
16. *Number of students involved in entrepreneurship programs that leverage innovation and technology assistance.*

Objektif kualiti UiTMCM berkaitan JI&K ([Rujuk 4.2.4: Objektif Kualiti UiTMCM](#)).

1. Bilangan program keusahawanan.
2. Bilangan program pengantarabangsaan.

Tahap kepuasan pelanggan.

1. *Happiness Index UiTM*
2. Tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan UiTMCM
3. Tahap kepuasan pelanggan terhadap program/aktiviti JI&K

Penetapan pengukuran ini mengambil kira perkongsian maklumat daripada semua pelanggan, unit, bahagian dan fakulti kerana Pengurusan Kanan UiTMCM menerapkan nilai sinergibersama dan sinergitrust. Maklumbalas daripada pelanggan diterima baik dan menjadi pengukur pencapaian dan kecemerlangan proses JI&K. Sebagai contoh, melalui Kajian Kepuasan Pelanggan terhadap Perkhidmatan di UiTMCM (KKP UiTMCM), staf mencadangkan supaya integrasi data dapat diwujudkan di antara HEA dan PJI bagi memantapkan pengurusan

pengetahuan ([rujuk 4.2.5: Cadangan Kerjasama PJI dan HEA oleh Warga UiTMCM](#)). Kepercayaan dan kebersamaan warga untuk menambahbaik proses di UiTMCM menjadikan tahap kepuasan pelanggan sebagai salah satu pengukuran penting bagi pencapaian JI&K.

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_A01_AB02_20221_UiTMCM_4.2.1 Perancangan Pengukuran JI&K.pdf](#)
2. [K0062_A01_AB02_20222_UiTMCM_4.2.2 Jemputan Mesyuarat Perancangan Strategik.pdf](#)
3. [K0062_A01_AB02_20223_UiTMCM_4.2.3 PI JI&K UITMCM.pdf](#)
4. [K0062_A01_AB02_20224_UiTMCM_4.2.4 Objektif Kualiti UITMCM.pdf](#)
5. [K0062_A01_AB02_20225_UiTMCM_4.2.5 Cadangan Kerjasama PJI dan HEA oleh Warga UITMCM.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

DATA, KAEDAH PENILAIAN, KEKERAPAN PENGUMPULAN DAN ANALISA DATA

Pemetaan pengukuran, data, kaedah analisa, kekerapan data dikumpul dan dianalisa disertakan di dalam lampiran [\(rujuk 4.3.1: Pemetaan Data & Mesyuarat Pemantauan\)](#).

Secara umumnya, data-data berkaitan pengukuran pencapaian JI&K (beserta kekerapan pengumpulan data) diperoleh daripada dua (2) sumber utama:

1. Sumber data UiTM
 1. Data Kajian Pengesanan Graduan (KPG) – dua kali setahun.
 2. Laporan Kajian *UiTM Happiness Index* (UHI) – sekali setahun.
 3. Data SMART - setiap bulan.
 4. Data MyENT – setiap bulan.
 5. Data daripada sistem BTU – setiap bulan.
 6. Data MyMohes.
2. Sumber data UiTMCM
 1. Data kewangan bendahari UiTMCM – setiap bulan.
 2. Data MyRA – setiap bulan
 3. Laporan program/projek/aktiviti JI&K
 1. Industri partner
 2. Industri-driven programme
 3. MoU/MoA/LOI bersama industri
 4. Perkongsian kepakaran bersama industri
 5. Sangkutan industri
 6. Sumbangan industri
 7. Latihan industri
 8. Komuniti
 9. Alumni
 4. Laporan KKP UiTMCM – sekali setahun.

Selain data yang diterima dari UiTM, data JI&K UiTMCM disalurkan daripada setiap bahagian dan fakulti. Instrumen pengumpulan data adalah secara atas talian. Borang maklumat program jaringan industri diwujudkan secara atas talian mengikut keperluan SMART bagi memudahkan maklumat didaftarkan di dalam sistem. Data keusahawanan juga dikumpulkan menggunakan borang secara atas talian manakala data pencapaian PI pula disalurkan kepada penyelar PSTU melalui instrumen e-PIdrive [\(rujuk 4.3.2: Instrumen Pengumpulan Data\)](#).

Kaedah penilaian yang digunakan adalah:

1. Pencapaian sasaran yang ditetapkan [\(Rujuk 4.3.3: Analisis Pencapaian Sasaran\)](#).
2. Analisis trend [\(rujuk 4.3.4: Analisis Tren\)](#).
3. Analisis perbandingan antara fakulti, bahagian, kampus dan cawangan [\(rujuk 4.3.5: Analisis Perbandingan\)](#).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_A01_AB03_20221_UiTMCM_4.3.1 Pemetaan Data & Mesyuarat Pemantauan.pdf](#)
2. [K0062_A01_AB03_20222_UiTMCM_4.3.2 Instrumen Pengumpulan Data.pdf](#)

3. [K0062_A01_AB03_20223_UiTMCM_4.3.5 Analisis Pencapaian Sasaran.pdf](#)
4. [K0062_A01_AB03_20224_UiTMCM_4.3.4 Analisis Tren.pdf](#)
5. [K0062_A01_AB03_20225_UiTMCM_4.3.5 Analisis Perbandingan.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

PERKONGSIAN HASIL ANALISIS DATA DAN PENGETAHUAN UNTUK KAJI SEMULA PENGURUSAN

Hasil analisa data dilaporkan di dalam mesyuarat-mesyuarat tertentu yang telah ditetapkan oleh Pengurusan Kanan dan ketua-ketua unit, bahagian serta fakulti ([rujuk 4.4.1.1: Pemetaan Data & Mesyuarat Pemantauan](#)).

Hasil perkongsian pengetahuan daripada mesyuarat-mesyuarat unit, bahagian dan fakulti yang memerlukan perbincangan bersama barisan Pengurusan Kanan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri (JKJN), Mesyuarat Jawatankuasa Endowmen Negeri, Mesyuarat Pengurusan (MP), Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP). Justeru, hasil penganalisaan data yang dibincangkan dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut dijadikan asas penambahbaikan JI&K di UiTMCM.

Contoh penambahbaikan JI&K berdasarkan hasil analisa data adalah Projek Madu Kelulut. Projek ini dimulakan pada bulan September 2020 dengan 10 log kelulut. Hasil analisa penjualan madu kelulut pada tahun 2020 menunjukkan keuntungan yang diperoleh adalah sebanyak RM1,759.20. Hasil jualan yang memberangsangkan dan perkongsian maklumat melalui Mesyuarat Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) ini seterusnya menjadi titik permulaan bagi:

1. Pemerksaan projek kelulut di bawah Strategi Business Unit (SBU) UiTMCM ([rujuk 4.4.1.2: Minit Mesyuarat PJI Bil. 1 2021](#)) yang meningkatkan hasil jualan pada tahun 2021 sebanyak RM3,043. ([rujuk 4.4.1.3: Hasil Jualan Madu Kelulut](#)).
2. Penambahan 43 log kelulut menjadikan jumlah log sedia ada sebanyak 53 log yang menarik minat Ketua Menteri Melaka, Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang serta Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk menjalankan kerjasama projek kelulut bersama asnaf. ([rujuk 4.4.1.4: Minit Mesyuarat PJI Bil. 2/2021](#))
3. Jaringan industri bagi penambahan ilmu sebagai pakar rujuk pengurusan dan keusahawanan kelulut Mainau Kelulut Farm, Negeri Sembilan.
4. Lawatan wakil Penolong Naib Canselor Strategik UiTM ke Desa Kelulut UiTMCM ([rujuk 4.4.1.5: Minit Mesyuarat PJI Bil. 3/2021](#)).

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_A01_AB04_AC01_20221_UiTMCM_4.4.1.1 Pemetaan Data & Mesyuarat Pemantauan.pdf](#)
2. [K0062_A01_AB04_AC01_20222_UiTMCM_4.4.1.2 Minit Mesyuarat PJI Bil. 1 2021.pdf](#)
3. [K0062_A01_AB04_AC01_20223_UiTMCM_4.4.1.3 Hasil Jualan Madu Kelulut.pdf](#)
4. [K0062_A01_AB04_AC01_20224_UiTMCM_4.4.1.4 Minit Mesyuarat PJI Bil. 2 2021.pdf](#)
5. [K0062_A01_AB04_AC01_20225_UiTMCM_4.4.1.5 Minit Mesyuarat PJI Bil. 3 2021.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

RISIKO PENGUKURAN ANALISA DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

Risiko pengukuran analisa dan pengurusan pengetahuan dikenalpasti oleh Pengurusan Kanan, ketua-ketua fakulti/bahagian/unit dan pegawai pengurus data melalui perbincangan hasil analisa data. Berikut adalah risiko pengukuran analisa dan pengurusan pengetahuan.

RISIKO 1: LAPORAN PROGRAM JARINGAN INDUSTRI TIDAK DIREKODKAN DALAM SISTEM SMART.

Contoh pengurusan risiko

- Punca risiko: Ketua projek tidak menyalurkan data program kepada PJI untuk didaftarkan dalam sistem SMART.
- Impak: PI UiTMCM tidak tercapai kerana projek jaringan industri yang dijayakan tidak didaftarkan dalam sistem SMART.
- Kawalan risiko: Mewujudkan integrasi data bersama bahagian HEA dan HEP ([rujuk 4.4.2.1: Kerjasama Data PJI Bersama HEA](#)).
- Tindakan pencegahan: Staf PJI mendapatkan senarai program jaringan industri daripada bahagian HEA dan HEP dan memastikan semua program dapat didaftarkan dalam sistem SMART.

RISIKO 2: LAPORAN PROGRAM JARINGAN INDUSTRI YANG DITERIMA TIDAK LENGKAP.

Contoh pengurusan risiko

- Punca risiko: Kepelbagaian format laporan program menyukarkan pihak PJI untuk mendaftarkan program ke dalam SMART dan berkemungkinan maklumat diperlukan SMART tidak lengkap.
- Impak: Projek jaringan industri tidak akan dikira dalam PI UiTMCM kerana maklumat yang didaftarkan tidak lengkap.
- Kawalan risiko: Staf PJI menyemak maklumat program yang diterima daripada ketua projek.
- Tindakan pencegahan: *Google form* diwujudkan sebagai instrumen pengumpulan data mengikut maklumat yang diperlukan oleh SMART ([Rujuk 4.4.2.2: Google Form Bagi Data SMART](#)). Staf PJI mendapatkan data yang tidak lengkap dengan menghubungi ketua program dan merujuk laporan projek di media sosial fakulti dan UiTMCM ([rujuk 4.4.2.3: Tindakan Mengatasi Data Tidak Lengkap](#)).

RISIKO 3: DATA BAYARAN JUALAN TEJA HONEY TIDAK TEPAT / HILANG DALAM SIMPANAN KERANA DIURUSKAN SECARA TUNAI

Contoh pengurusan risiko

- Punca risiko: Tiada akaun rasmi bendahari untuk pembayaran jualan Teja Honey. Pembayaran secara tunai atau ke dalam akaun pegawai bertanggungjawab dan direkod secara manual.
- Impak: Hasil jualan secara tunai dan dalam akaun pegawai bertanggungjawab hilang, lupa untuk direkodkan serta lambat direkodkan untuk pembayaran yang terkumpul.
- Kawalan risiko: Menyediakan fail rekod jualan Teja Honey dan dipantau oleh Penyelaras Strategi Business Unit (SBU) dan Koordinator Keusahawanan. ([rujuk 4.4.2.4: Rekod Jualan Teja Honey](#)).
-

melakukan perolehan mengenai laporan penjualan antara membuat grafik harga untuk hasil jualan Teja Honey.

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_A01_AB04_AC02_20221_UiTMCM_4.4.2.1 Kerjasama Data PJI Bersama HEA.pdf](#)
2. [K0062_A01_AB04_AC02_20222_UiTMCM_4.4.2.2 Google Form Bagi Data SMART.pdf](#)
3. [K0062_A01_AB04_AC02_20223_UiTMCM_4.4.2.3 Tindakan Mengatasi Data Tidak Lengkap.pdf](#)
4. [K0062_A01_AB04_AC02_20224_UiTMCM_4.4.2.4 Rekod Jualan Teja Honey.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

PENAMBAHBAIKAN HASIL TINDAKAN PENCEGAHAN RISIKO

Tindakan pencegahan dirancang dan dilaksanakan bagi setiap risiko pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan yang dikenalpasti oleh pegawai bertanggungjawab menguruskan data dan Pengurusan Kanan. Pelaksanaan tindakan pencegahan ini ditambahbaik dengan pengumpulan data berkaitan, analisa keberkesanan tindakan dan dikongsi kepada warga UiTMCM. Contoh penambahbaikan tindakan pencegahan berdasarkan risiko dalam bahagian di atas.

RISIKO 1 & 2: LAPORAN PROGRAM JARINGAN INDUSTRI TIDAK LENGKAP / TIDAK DIREKODKAN DALAM SISTEM SMART.

Contoh pengurusan risiko 1

- Punca risiko: Ketua projek tidak memasukkan data ke dalam sistem SMART.
- Tindakan pencegahan: Staf PJI mendapatkan senarai program jaringan industri daripada bahagian HEA dan HEP dan memastikan semua program didaftarkan ke dalam sistem SMART.

Contoh pengurusan risiko 2

- Punca risiko: Kepelbagaian format laporan program menyukarkan pihak PJI untuk pelaporan SMART dan data tidak lengkap.
- Tindakan pencegahan: *Google form* diwujudkan sebagai instrumen pengumpulan data mengikut maklumat yang diperlukan oleh SMART. Staf PJI mendapatkan data yang tidak lengkap dengan menghubungi ketua program dan merujuk laporan projek di media sosial fakulti dan UiTMCM.

Analisa hasil tindakan pencegahan risiko

- Data dianalisa: Laporan program jaringan industri daripada sistem SMART dan pencapaian PI.
- Analisa keberkesanan: Semua data program jaringan industri berjaya dimasukkan ke dalam sistem SMART dan mencapai PI ditetapkan.
- Perkongsian hasil analisa tindakan: Koordinator ICAN akan melaporkan di dalam Mesyuarat Bahagian PJI dan Mesyuarat JKJN. ([Rujuk 4.4.3.1: Pemakluman Bilangan Program Jaringan Industri Dalam Mesyuarat JKJN](#))

RISIKO 3: DATA BAYARAN JUALAN MADU KELULUT TIDAK TEPAT / HILANG DALAM SIMPANAN KERANA DIURUSKAN SECARA TUNAI

Contoh pengurusan risiko

- Punca risiko: Tiada akaun rasmi bendahari untuk pembayaran jualan madu kelulut. Pembayaran secara tunai atau ke dalam akaun pegawai bertanggungjawab dan direkod secara manual.
- Tindakan pencegahan: Memohon kepada pihak bendahari untuk membuka akaun khas untuk hasil jualan Teja Honey.

Analisa hasil tindakan pencegahan risiko (rujuk 4.4.3.2: Akaun Bendahari UiTMCM Bagi Teja Honey)

- Data dianalisa: Rekod jualan Teja Honey.
- Analisa keberkesanan: Semua jualan telah direkodkan.
- Perkongsian hasil analisa tindakan: Pihak bendahari telah membuka akaun untuk hasil jualan sehingga Jun 2021 dan dibentangkan dalam Mesyuarat Endowmen Negeri (rujuk 4.4.3.3: Minit Mesyuarat Jawatankuasa Endowmen Negeri).

SENARAI BUKTI :

1. K0062_A01_AB04_AC03_20221_UiTMCM_4.4.3.1 Pemakluman Bilangan Program Jaringan Industri Dalam Mesyuarat JKJN.pdf
2. K0062_A01_AB04_AC03_20222_UiTMCM_4.4.3.2 Akaun Bendahari UiTMCM Bagi Teja Honey.pdf
3. K0062_A01_AB04_AC03_20223_UiTMCM_4.4.3.3 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Endowmen Negeri.pdf

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

PEMBUDAYAAN DARI HASIL ANALISA TINDAKAN PENCEGAHAN RISIKO

Hasil analisa tindakan pencegahan risiko menunjukkan nilai sinergibersama dan sinergitrust adalah kekuatan dalam kecemerlangan JI&K UiTMCM. Pembudayaan yang diamalkan adalah:

1. Pemantauan yang teliti dibudayakan oleh Pengurusan Kanan UiTMCM melalui bahagian PJI di mana Timbalan Rektor PJI mewujudkan senarai tugas yang terperinci dari semasa ke semasa kepada semua staf PJI yang akan dipantau melalui minit mesyuarat unit masing-masing. Perkara ini bagi memastikan tugas *ad hoc* juga dipantau selain dari tugas rutin staf. Minit mesyuarat unit ini dipantau oleh koordinator PJI dan memudahkan urusan pemarkahan LNPT pada hujung tahun ([rujuk 4.5.1: Minit Mesyuarat PJI Bil. 1/2021](#)).
2. Integrasi data program PJI, HEA dan HEP mengurangkan risiko PI UiTMCM tidak tercapai kerana terdapat data program JI&K tidak dimasukkan ke dalam sistem SMART. Dengan adanya senarai lengkap projek JI&K yang dijayakan, semua data projek dapat dimasukkan ke dalam sistem. Budaya sinergitrust dan sinergibersama jelas diamalkan oleh warga UiTMCM.
3. Budaya sinergibersama juga diamalkan dalam memperkasa program jaringan industri telah membuktikan bahawa UiTMCM sebagai universiti awam pertama yang menerima pentauliah Skim Latihan Dual Nasional (SLDN) dan menjadi rujukan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada tahun 2021. SLDN UiTMCM ini turut disokong oleh semua fakulti dan bahagian dari aspek modul latihan, penceramah dan fasiliti ([rujuk 4.5.2: OS1S Sebagai Penanda Aras UTM](#)).
4. Budaya sinergibersama dan sinergitrust dalam menambahbaik proses kerja di UiTM di mana warga UiTMCM turut menyalurkan komen/pendapat melalui KKP UiTMCM. Laporan KKP UiTMCM dibentangkan dalam mesyuarat MKSP dan diambil tindakan sewajarnya oleh ketua-ketua bahagian.
5. Pendigitalan dokumen seperti:
 1. *Google form* sebagai instrumen pengumpulan data program jaringan industri mengikut keperluan SMART.
 2. Emel ICAN UiTMCM diwujudkan untuk pengurusan pengetahuan yang lebih mantap. ([Rujuk 4.5.3: Emel ICAN UiTMCM](#))
 3. Akaun rasmi bagi hasil jualan Teja Honey diwujudkan untuk memudahkan pengurusan pemantauan jualan.
 4. e-Idrive sebagai instrumen pengumpulan data PI UiTMCM.
6. Budaya menghargai usaha warga UiTMCM melalui Anugerah Bestari ICAN 2021 yang mengiktiraf tiga (3) program jaringan industri terbaik sepanjang tahun ([rujuk 4.5.4: Anugerah Bestari ICAN UiTMCM](#)). Penghargaan ini juga dilaksanakan bagi memberi motivasi kepada staf untuk memperkasa jaringan industri yang berimpak tinggi dan membuat pelaporan program yang baik.

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_A01_AB05_20221_UiTMCM_4.5.1 Minit Mesyuarat PJI Bil. 1 2021.pdf](#)
2. [K0062_A01_AB05_20222_UiTMCM_4.5.2 OS1S Sebagai Penanda Aras UTM.pdf](#)
3. [K0062_A01_AB05_20223_UiTMCM_4.5.3 Emel ICAN UiTMCM.pdf](#)
4. [K0062_A01_AB05_20224_UiTMCM_4.5.4 Anugerah Bestari ICAN UiTMCM.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan

Semangat kerja berpasukan, perkongsian kepakaran, latihan, sokongan Pengurusan Kanan UiTMCM, dan pengiktirafan merupakan asas bagi pencapaian bidang tumpuan. Pihak Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa menekankan penglibatan semua warga dalam setiap inisiatif strategik yang dirancang. **Sinergibersama dan Sinergitrust dalam memacu jaringan industri dan keusahawanan (JI&K) kampus** dicetuskan oleh Rektor UiTMCM bagi memastikan bidang tumpuan dapat dilaksanakan dengan jayanya di bawah Program TEJA. Dengan jumlah staf seramai 1011 orang, Pengurusan Kanan UiTMCM menggerakkan 577 staf akademik dengan 115 orang berkeelayakan PhD dan 434 orang staf pentadbiran dalam menjayakan setiap aktiviti yang dirancang.

Pelaksanaan

UiTMCM mengambil pendekatan untuk mengoptimumkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia di dalam JI&K melalui kelayakan akademik dan gred jawatan, keahlian badan profesional dan pengalaman industri. Antara sumbangan dan penglibatan staf UiTM dalam menjayakan bidang tumpuan adalah seperti menjadi tenaga pengajar Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN), pelatih keusahawanan dan menjadi panel penilai *Final Year Project* (FYP). Bagi mengoptimumkan kepakaran, UiTMCM sentiasa menggalakkan staf akademik dalam aktiviti perundingan. Selain itu, staf yang berkeelayakan juga digalakkan untuk menjalani sangkutan industri bagi meningkatkan ilmu. UiTMCM juga mempraktikkan pemberian cuti sabatikal kepada staf bagi menyumbang kepakaran dan mendalami ilmu daripada industri.

Pemantauan

Dengan mengambil kira tahap kepuasan hati staf, Pengurusan Kanan UiTMCM telah mengambil inisiatif di mana sesuatu keputusan yang ingin diambil dibincang terlebih dahulu melalui mesyuarat dan pertemuan. Seterusnya, hasil perbincangan yang memerlukan penambahbaikan dibawa ke Mesyuarat Pengurusan (MP) setiap kampus dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP). Hasil Kajian Indeks Kegembiraan UiTMCM secara keseluruhan bagi tahun 2021 menunjukkan peningkatan sebanyak 2% berbanding dengan tahun 2020 terutamanya peningkatan terhadap sub-domain Keterlibatan (Engagement) dan sub-domain Pencapaian. Komunikasi dua hala dan pengukuran kepuasan staf terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh pihak pengurusan merupakan salah satu mekanisma yang digunakan bagi pemantauan.

Tindakan

Dalam usaha menjayakan bidang tumpuan, UiTMCM sentiasa memberi penekanan terhadap persekitaran dan sistem kerja yang kondusif bagi melancarkan tugas setiap staf. Maklumbalas staf terhadap sistem kerja serta isu-isu lain sentiasa dititikberatkan oleh Pengurusan Kanan UiTMCM. Laporan maklumbalas digunakan untuk penambahbaikan secara menyeluruh. Antara kaedah maklumbalas adalah seperti perjumpaan secara terus Pengurusan Kanan UiTMCM bersama staf dan tindakan diambil daripada dapatan maklum balas yang diterima.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

KAEDAH UiTMCM DALAM MENJAYAKAN SINERGIBERSAMA DAN SINERGITRUST DALAM MEMACU JI&K KAMPUS

Pihak pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa menekankan penglibatan semua warga dalam setiap inisiatif strategik yang dirancang. **Sinergibersama dan sinergitrust dalam memacu JI&K kampus** dicetuskan oleh Rektor bagi memastikan bidang tumpuan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Dengan jumlah staf 1011 orang, Pengurusan Kanan UiTMCM menggerakkan 577 staf akademik dengan 115 orang berkelayakan PhD dan 434 orang staf pentadbiran dalam menjayakan setiap aktiviti yang dirancang ([rujuk UiTMCM 5.2.1 Jumlah staf UiTMCM dan Status Jawatan 2021](#)).

BIDANG TUGAS STAF UiTMCM

UiTMCM sentiasa mementingkan penglibatan semua tenaga kerja dalam setiap aktiviti JI&K yang dijalankan. Asasnya, Pengurusan Kanan UiTMCM melibatkan warga dengan mewujudkan unit-unit di bawah Bahagian PJI iaitu ICAN dan Keusahawanan (MASMED) yang bersesuaian dengan tugas dan program yang dirancang. ([rujuk UiTMCM 5.2.2 Carta Organisasi Unit Keusahawanan & ICAN dan Penglibatan Unit dalam Menggerakkan Inisiatif Strategik](#)). Fungsinya adalah untuk menggerakkan inisiatif strategik, memberi fokus dalam menyalurkan/menyelaraskan khidmat kepakaran dan kemahiran. Sumbangan diberi melalui lantikan sebagai penasihat program dan AJK. Pengurusan Kanan UiTMCM juga sentiasa menerapkan amalan perkongsian ilmu dan kepakaran bagi memperkembangkan profesionalisme berterusan di kalangan staf terutamanya berkaitan JI&K. Selain daripada melaksanakan tugas hakiki, staf akademik juga perlu melibatkan diri dengan aktiviti seperti perundingan, khidmat masyarakat, program ceramah motivasi, kerjaya serta penglibatan dalam jawatankuasa, kelab, dan persatuan yang ditubuhkan. ICAN dan MASMED UiTMCM telah berjaya menjalankan beberapa latihan dan webinar melibatkan staf, industri dan komuniti ([rujuk UiTMCM 5.2.3 Senarai Latihan/ Webinar yang dianjurkan oleh MASMED dan ICAN 2021](#)).

PENILAIAN PENCAPAIAN STAF UiTMCM

Penilaian pencapaian staf dilakukan bertujuan untuk menentukan keberkesanan perancangan Pengurusan Kanan UiTMCM. Antara kaedah penilaian:

- **42 Jam Latihan** - Staf yang mempunyai jam latihan kurang daripada 42 jam, [notis peringatan dikeluarkan melalui email secara berkala bagi memastikan setiap staf dapat mencapai minimum 42 jam latihan pada akhir tahun.](#)
- **Key Performance Indicator (KPI)** - Pencapaian KPI staf dinilai melalui SKT. Bagi memenuhi KPI pensyarah dan PI universiti, [email diberikan kepada staf akademik sebagai peringatan agar KPI pensyarah dapat dicapai pada tahun tersebut.](#)
- **Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)** oleh KPP dan Ketua Bahagian.
- **SKT** melebihi markah 80% perlu dicapai bagi memastikan prestasi setiap staf berada pada tahap yang terbaik.

PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN KEPADA SUMBER MANUSIA

Bagi meningkatkan motivasi warga, UiTMCM sentiasa memberikan penghargaan kepada staf yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang melalui beberapa medium seperti emel

rasmi dan FB rasmi UiTMCM. Seramai 83 orang staf telah menerima APC pada tahun 2021 manakala 8 orang Staf Akademik dan 26 orang Staf Pentadbiran telah dinaikkan pangkat ([rujuk UiTM CM5.2.4 Kenaikan Pangkat Staf Pentadbiran dan Akademik Mengikut Gred dan Senarai Penerima \(APC\) 2021 UiTMCM](#)).

MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI (MSHI) 2021

Program JI&K yang dijalankan telah berjaya meningkatkan pencapaian PI kampus yang telah ditetapkan. Bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan, UiTMCM telah berjaya mengadakan MSHI 2021. Antara penghargaan yang diberikan adalah Penghargaan Juruaudit Dalam, Area Heads SRR, Khidmat Setia 20, 25 & 30 Tahun, Sijil Cuti Sakit Sifar 2021, Anugerah Bestari dan Anugerah Khas Rektor 2021 ([rujuk 5.2.5: Majlis Sambutan Hari Inovasi \(MSHI\) dan Senarai Pemenang Anugerah Bestari 2021](#)).

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_S01_SB02_20221_UiTMCM_5.2.1 Jumlah Staf UiTMCM dan Status Jawatan 2021.pdf](#)
2. [K0062_S01_SB02_20222_UiTMCM_5.2.2 Carta Organisasi Unit Keusahawanan dan ICAN & Penglibatan Unit dalam Menggerakkan Inisiatif Strategik \(1\).pdf](#)
3. [K0062_S01_SB02_20223_UiTMCM_5.2.3 Senarai Latihan Webinar yang dianjurkan oleh MASMED dan ICAN 2021.docx.pdf](#)
4. [K0062_S01_SB02_20224_UiTMCM_5.2.4 Kenaikan Pangkat Staf Pentadbiran dan Akademik Mengikut Gred dan Senarai Penerima \(APC\) 2021 UiTMCM.pdf](#)
5. [K0062_S01_SB02_20225_UiTMCM_5.2.5 Majlis Sambutan Hari Inovasi \(MSHI\) dan Senarai Pemenang Anugerah Bestari 2021.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan Kanan UiTMCM mengambil pendekatan untuk mengoptimumkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia di dalam jaringan industri dan keusahawanan (JI&K) melalui kelayakan akademik dan gred jawatan, keahlian badan profesional dan pengalaman industri. UiTMCM mempunyai 12 orang staf yang mempunyai pengalaman industri pada tahun 2021 dan 37 orang berkelayakan Profesional yang terdiri daripada 15 orang staf pentadbiran dan 22 orang staf akademik ([rujuk UiTMCM 5.3.1 Senarai Kelayakan Profesional Staf Akademik dan Pentadbiran UiTMCM 2021](#)). Antara sumbangan dan penglibatan staf UiTM dalam menjayakan bidang tumpuan adalah seperti menjadi tenaga pengajar Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) ([rujuk UiTMCM 5.3.2 Senarai Pengajar SLDN Mengikut Program](#)), pelatih keusahawanan dalam projek Bizwomen yang melatih komuniti (wanita B40) dan menjadi panel penilai *Final Year Project* (FYP) dalam projek Industry On Campus.

Dalam mengoptimumkan kepakaran, Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa menggalakkan staf akademik dalam aktiviti perundingan. Usaha ini dapat dilihat melalui jumlah nilai perundingan yang diperolehi oleh UiTMCM pada 2021 iaitu sebanyak RM 81,506.59 walaupun pada ketika itu negara masih dilanda wabak Covid-19. Pencapaian tersebut adalah hasil usaha daripada kepakaran staf akademik yang menjadi jururunding kepada industri ([rujuk 5.3.3: Penglibatan Sumber manusia dan Pengoptimaan kepakaran Staf UiTMCM](#)). Penjanaan pendapatan hasil jaringan industri bersama *Islamic Relief Malaysia* (IRM) sebanyak RM 13,175.00 juga membuktikan kepakaran staf UiTMCM dalam menggerakkan persatuan SUZA bagi keusahawanan sosial. Selain itu, staf yang berkelayakan juga digalakkan untuk menjalani sangkutan industri bagi meningkatkan ilmu. UiTMCM juga mempraktikkan pemberian cuti sabatikal kepada staf bagi menyumbang kepakaran dan mendalami ilmu daripada industri.

Bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan produktiviti sumber manusia, Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa memastikan bahawa semua keperluan sumber manusia dirancang mengikut kaedah yang telah ditetapkan seperti berikut:

- Memastikan staf memperolehi kelayakan dan kompetensi yang diperlukan bagi menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti.
- Memastikan semua staf diberi latihan dalam bidang pengkhususan yang diperlukan dengan syarat menghadiri sekurang-kurangnya 42 jam latihan setahun.

Secara purata, staf UiTMCM telah berjaya mencapai sebanyak 95.25% pencapaian 42 jam latihan staf pada tahun 2021 melalui pelbagai latihan termasuklah berkaitan JI&K ([rujuk UiTMCM 5.3.4 Senarai Latihan Anjuran UiTMCM dan Pencapaian 42 Jam Latihan Staf](#)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_S01_SB03_20221_UiTMCM_5.3.1_Senarai_Kelayakan_Profesional_Staf_Akademik_dan_Pentadbiran_UiTMCM_2021_2.pdf](#)
2. [K0062_S01_SB03_20222_UiTMCM_5.3.2_Senarai_Pengajar_SLDN_Mengikut_Program.docx.pdf](#)
3. [K0062_S01_SB03_20223_UiTMCM_5.3.3_Penglibatan_Sumber_manusia_dan_Pengoptimaan_kepakaran_Staf_UiTMCM_2.pdf](#)
4. [K0062_S01_SB03_20224_UiTMCM_5.3.4_Senarai_Latihan_Anjuran_UiTMCM_dan_Pencapaian_42_Jam_Latihan_Staf_2.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

KEPUASAN HATI DAN MAKLUMBALAS SUMBER MANUSIA TERHADAP PERSEKITARAN DAN SISTEM KERJA

Hasil Kajian Indeks Kegembiraan UiTMCM secara keseluruhan bagi tahun 2021 adalah 75% dan menunjukkan peningkatan sebanyak 2% berbanding tahun 2020. Manakala indeks kepuasan staf terhadap sub-domain Keterlibatan (Engagement) mengikut model Permai menunjukkan peningkatan sebanyak 2% dan bagi sub-domain Pencapaian menunjukkan peningkatan sebanyak 1% ([rujuk UiTMCM 5.4.1.1 Indeks Kepuasan Staf UiTMCM](#)). Ini menunjukkan staf UiTMCM gembira terhadap penglibatan dalam aktiviti seperti pengagihan kerja, keberkesanan latihan yang disediakan, pengiktirafan dan peluang kenaikan pangkat yang merupakan aspek penting bagi staf untuk terus cemerlang sekaligus memupuk kegembiraan. Ini dibuktikan melalui hubungan yang baik antara Pengurusan Kanan dan staf dalam mewujudkan budaya kerja yang cemerlang.

Dengan mengambil kira tahap kepuasan hati staf, Pengurusan Kanan UiTMCM telah mengambil inisiatif di mana sesuatu keputusan yang ingin diambil dibincang terlebih dahulu melalui mesyuarat dan pertemuan bagi memastikan objektif UiTMCM dapat dicapai. Seterusnya, hasil perbincangan yang memerlukan penambahbaikan dibawa ke Mesyuarat Pengurusan (MP) setiap kampus dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) untuk diambil tindakan. Bagi memastikan segala perancangan atau tindakan dilakukan dengan berkesan, sebarang keputusan yang dibuat disampaikan dengan jelas dan tepat. Komunikasi dalam organisasi adalah penting kerana ia mempengaruhi kepuasan kerja setiap staf. Oleh itu, komunikasi dua hala merupakan satu mekanisme yang digunakan bagi memastikan informasi yang diterima adalah tepat dan cepat. Pendekatan komunikasi dua hala UiTMCM adalah seperti taklimat, Mesyuarat Bahagian dan Fakulti, Audit Dalam atau Luaran dan lain-lain ([rujuk 5.4.1.2: Medium Komunikasi Pengurusan Kanan dan Staf UiTMCM](#)).

Bagi memastikan segala aduan serta penambahbaikan dapat diambil tindakan yang sewajarnya, pengukuran kepuasan hati staf terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh pihak pengurusan adalah penting. Misalnya borang kaji selidik dan maklumbalas pelanggan telah diemel kepada staf untuk mendapatkan maklumbalas terhadap keperluan kursus/bengkel yang diperlukan oleh staf akademik serta cadangan penambahbaikan mutu perkhidmatan yang disediakan oleh BPJI. Selain itu, maklumbalas peserta terhadap bengkel dan latihan anjuran bahagian/unit/fakulti UiTMCM juga diambil kira dan diukur setiap kali program berakhir ([rujuk 5.4.1.3: Borang Kaji Selidik & Maklum Balas](#)). Hasil kajian kepuasan hati pelanggan yang dijalankan terhadap perkhidmatan UiTMCM menunjukkan tahap kepuasan hati staf telah meningkat ([rujuk 5.4.1.4: Tahap Kepuasan Hati Staf UiTMCM](#)).

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_S01_SB04_SC01_20221_UiTMCM_5.4.1.1 Indeks Kepuasan Staf UiTMCM_2.pdf](#)
2. [K0062_S01_SB04_SC01_20222_UiTMCM_5.4.1.2 Medium Komunikasi Pengurusan Kanan dan Staf UiTMCM.pdf](#)
3. [K0062_S01_SB04_SC01_20223_UiTMCM_5.4.1.3 Borang Kaji Selidik & Maklum Balas BPJI.pdf](#)
4. [K0062_S01_SB04_SC01_20224_UiTMCM_5.4.1.4 Tahap Kepuasan Hati Staf UiTMCM.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko yang dihadapi dalam pengurusan risiko sumber manusia adalah apabila aktiviti yang dijalankan oleh staf yang tidak memenuhi Operation Definition (OD) PI. Ini menyebabkan aktiviti yang telah dijalankan tidak dapat diambil kira sebagai pencapaian PI UiTMCM dan Fakulti serta merugikan staf ([rujuk UiTMCM 5.4.2.1 Risiko Pelaksanaan Program](#)). Oleh itu langkah-langkah telah diambil agar setiap ketua projek yang ingin menjalankan program perlu menyemak dengan teliti sama ada aktiviti yang dijalankan memenuhi OD PI ataupun tidak dengan Unit ICAN dan PSTU. Risiko lain yang dihadapi bagi JI&K adalah kekurangan pelaporan data yang diterima bagi setiap program JI&K yang telah dijalankan. Banyak program JI&K yang telah dijalankan di UiTMCM tetapi tidak dilaporkan kepada Unit ICAN. Selain itu, terdapat juga maklumat atau data yang diterima daripada ketua projek yang tidak lengkap. Ini menyebabkan segala projek tidak dapat didaftarkan di dalam sistem SMART. Oleh itu, pihak pentadbiran PJI telah mewujudkan emel ICAN UiTMCM dan menyediakan *Google Form* bagi memudahkan Ketua Projek memuat naik segala maklumat yang diperlukan bagi pelaporan data di dalam Sistem SMART ([rujuk UiTMCM 5.4.2.2 Penambahbaikan Risiko Kegagalan Melaporkan Data](#)). Bagi unit MASMED pula, pada awal penubuhannya, cara pembayaran madu kelulut adalah secara manual, di mana pembayaran yang diterima daripada pelanggan adalah secara tunai dan atas talian ke akaun peribadi staf yang bertanggungjawab dan kemudiannya wang yang terkumpul dibayar ke akaun bendahari UiTMCM. Namun, risiko yang dihadapi adalah duit tunai dan duit di dalam akaun peribadi staf yang bertanggungjawab dikhuatiri hilang dan transaksi jual beli yang lupa direkodkan oleh staf. Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini, PTJ telah membuat permohonan kepada pihak bendahari untuk membuka akaun khas bagi hasil jualan Teja Honey sekaligus memudahkan urusan jual beli Teja Honey.

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_S01_SB04_SC02_20221_UiTMCM_5.4.2.1 Risiko Pelaksanaan Program_2.pdf](#)
2. [K0062_S01_SB04_SC02_20222_UiTMCM_5.4.2.2 Penambahbaikan Risiko Kegagalan Melaporkan Data.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

TINDAKAN BAGI MEMASTIKAN PERSEKITARAN KERJA DAN SISTEM KERJA YANG KONDUSIF

Dalam usaha menjayakan bidang tumpuan, Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa memberi penekanan terhadap persekitaran dan sistem kerja yang kondusif bagi melancarkan tugas setiap staf. Bagi memastikan warga UiTMCM lebih produktif, Pengurusan Kanan UiTMCM telah menganjurkan beberapa program bagi memotivasikan staf seperti Ceramah Motivasi Burnout: Malas itu Barah ([rujuk UiTMCM 5.4.3.1 Senarai Program Motivasi UiTMCM](#)). Maklum balas staf terhadap sistem kerja serta isu-isu lain juga sentiasa dititikberatkan oleh Pengurusan Kanan UiTMCM. Laporan maklumbalas digunakan untuk penambahbaikan secara menyeluruh. Antara kaedah maklumbalas adalah seperti perjumpaan secara terus Pengurusan Kanan UiTMCM bersama staf dan tindakan diambil daripada dapatan maklumbalas yang diterima ([rujuk UiTMCM 5.4.3.2 Kaedah Maklum Balas & Tindakan](#)).

Walaupun pada 2021, ramai warga telah divaksin namun Pandemik Covid-19 masih merupakan cabaran semasa warga UiTMCM. Oleh itu, UiTMCM telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan beberapa program untuk membantu warga dalam menangani stress dan emosi. Program yang dijalankan telah mendapat maklumbalas yang positif di kalangan staf seperti webinar dan *survey* masalah kesihatan mental dan webinar Peranan Staf UiTMCM dalam jangkitan COVID-19. Program untuk pemulihan rohani juga turut diadakan bagi membantu warga dalam menguruskan tekanan hidup seperti program e-Majlis Bacaan Yaasin dan Kahfi pada setiap hari jumaat secara atas talian dan Suara Al-Hikmah. Selain itu, bagi memastikan warga kampus membudayakan cara hidup sihat agar kekal produktif dalam menjalankan tugas, beberapa program telah dianjurkan seperti program derma darah. Program ini telah mewujudkan hubungan yang erat di antara warga UiTMCM bersama agensi luar khususnya Hospital Melaka ([rujuk UiTMCM 5.4.3.3 Senarai Program Kerohanian & Kesihatan UiTMCM](#)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_S01_SB04_SC03_20221_UiTMCM_5.4.3.1_Senarai_Program_Motivasi_UiTMCM_\(1\).pdf](#)
2. [K0062_S01_SB04_SC03_20222_UiTMCM_5.4.3.2_Kaedah_Maklum_Balas_&_Tindakan.pdf](#)
3. [K0062_S01_SB04_SC03_20223_UiTMCM_5.4.3.3_Senarai_Program_Kerohanian_UiTMCM.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan sumber manusia UiTMCM telah berjaya mentadbir urus staf dengan baik demi menjayakan bidang tumpuan. Kerjasama yang terhasil melalui JI&K dengan agensi luar seperti badan professional/ korporat serta komuniti dan masyarakat telah mewujudkan budaya **Sinergibersama dan Sinergitrust** di kalangan warga UiTMCM. Budaya **Sinergibersama dan Sinergitrust** ini telah memberi kesan yang signifikan di kalangan warga UiTMCM. Antaranya adalah dari segi kepakaran, penyelidikan, keusahawanan dan inovasi. Dari segi penyelidikan, wujudnya kepercayaan dan peluang kolaborasi di antara UiTMCM dengan rakan strategik melalui penganjuran persidangan dan pertandingan inovasi di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa seperti I-RoLE 2021, ICECoT 2021, V-MIIEEX 2021 dan i-JaMCSIIIX2021 ([rujuk UiTMCM_5.5.1 Persidangan Peringkat Antarabangsa Anjuran UiTMCM](#)) dan penerimaan geran kolaborasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa ([rujuk UiTMCM_5.5.2 Penerimaan Geran Kolaborasi UiTMCM](#)). Visibiliti dan kredibiliti kepakaran warga UiTMCM juga ditonjolkan melalui jemputan yang diterima daripada industri untuk menjadi pakar rujuk, penceramah/fasilitator, jururunding, panel penilai, pensyarah pelawat serta penglibatan staf dalam ahli akademi kebangsaan/ badan professional/ persatuan atau kementerian ([rujuk UiTMCM_5.5.3 Visibility Kepakaran Warga UiTMCM](#)). Selain itu, lawatan penandaarasan juga telah dilakukan oleh pihak luar sebagai amalan terbaik. Antaranya adalah lawatan penandaarasan daripada KUIM ke UiTMCM ([rujuk UiTMCM_5.5.4 Lawatan Penandaarasan](#)). Peningkatan kualiti dan produktiviti warga UiTMCM melalui budaya sinergibersama dan sinergitrust telah mewujudkan Jaringan industri dan Kerjasama strategik di antara UiTMCM dengan Institusi awam atau swasta di dalam mahupun luar negara melalui MoU/MoA. Antaranya MoU diantara UiTMCM dengan Universitas Tadulako (UNTAD) Sulawesi Indonesia yang telah dimeterai pada 27 September 2021 ([rujuk UiTMCM_5.5.5 Senarai MoU/MoA Universiti Dalam Negara/ Antarabangsa dan Industri 2021](#)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_S01_SB05_20221_UiTMCM_5.5.1 Persidangan Peringkat Antarabangsa Anjuran UiTMCM.pdf](#)
2. [K0062_S01_SB05_20222_UiTMCM_5.5.2 Penerimaan Geran Kolaborasi UiTMCM.pdf](#)
3. [K0062_S01_SB05_20223_UiTMCM_5.5.3 Visibility Kepakaran Warga UiTMCM.pdf](#)
4. [K0062_S01_SB05_20224_UiTMCM_5.5.4 Lawatan Penandaarasan.pdf](#)
5. [K0062_S01_SB05_20225_UiTMCM_5.5.5 Senarai MoU_MoA Universiti Dalam Negara Antarabangsa dan Industri 2021.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCM sentiasa komited dalam mewujudkan nilai **sinergibersama dan sinergitrust dalam memacu jaringan industri dan keusahawanan kampus**. Ini dijalankan melalui operasi yang efektif dan aktiviti jaringan yang berterusan bersama industri dan keusahawanan bagi menyokong Program TEJA.

Perancangan

Perancangan sesuatu projek melibatkan jaringan industri dan keusahawanan UiTMCM dibuat melalui penyediaan kertas kerja yang diluluskan di dalam mesyuarat yang dijalankan secara berkala.

Pelaksanaan

Pelaksanaan projek dijalankan mengikut perancangan yang telah dirancang mengikut prosedur kerja yang telah ditetapkan oleh Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri.

Pemantauan

Pemantauan dibuat secara berkala melalui laporan-laporan yang dibentangkan di dalam mesyuarat dan senarai tugas yang dibuat secara terperinci.

Tindakan Penambahbaikan

UiTMCM melalui PJI mewujudkan emel dan *Google Form* yang digunakan dalam pengurusan data yang lebih efisien.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Dalam memastikan kualiti perkhidmatan yang sistematik dan efisien, UiTMCM telah memfokuskan bidang tumpuan jaringan industri dan keusahawanan (JI&K) kepada **2 Objektif Strategik (OS)** iaitu **OS1**: Memperkasa jaringan strategik bersama industri dan **OS2**: Menghasilkan graduan seimbang dan berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global. Bagi mencapai OS1 dan OS2, UiTMCM telah mengenalpasti 4 proses utama yang menyokong kepada pencapaian objektif strategik dan pelaksanaan inisiatif JI&K yang berdasarkan kepada prosedur operasi PJI UiTMCM.

Kolaborasi dengan pihak luar merupakan proses pertama dalam inisiatif UiTMCM mencapai OS1 dan OS2. Dokumen rujukan utama dalam proses ini adalah Pekeliling Pengurusan Memorandum Persetujuan (MOA) ([rujuk 6.2.1: Pekeliling Naib Canselor bilangan 04 / 2021: Pekeliling Pengurusan Memorandum Persetujuan \(MOA\)](#)). Proses ini terbahagi kepada proses perancangan dan permohonan. Proses perancangan ini dimulai dengan mengenalpasti pihak industri yang bersesuaian dengan program akademik yang ditawarkan oleh UiTMCM dan mengetahui jenis dan mekanisma kerjasama untuk dikelaskan sebagai projek penglibatan atau projek berimpak. Seterusnya, permohonan dan draf memorandum dihantar ke Pejabat Undang-Undang untuk semakan. Draft yang telah disemak bersama ulasan PPUU dihantar ke MEU/LPU untuk kelulusan. Kemudian, proses tandatangan MOU/MOA bersama pihak industri dijalankan. Akhir sekali MOU/MOA yang lengkap ditandatangani dimuatnaik ke dalam system NILAMs dalam masa 7 hari ([rujuk 6.2.2: Carta Alir Proses Pengurusan MoU/MoA](#)).

Proses utama yang kedua adalah menggalakkan aktiviti pelajar bersama industri, yang melibatkan 8 proses. Sebagai permulaan, pelajar akan menyediakan kertas kerja bagi aktiviti yang ingin dijalankan dan mendapatkan sokongan dari KPP atau penasihat program. Borang Permohonan Mengadakan Aktiviti dengan perincian program dihantar ke TRHEA/TRHEP atau TRPJI UiTMCM untuk disemak dan disokong. Dokumen tersebut kemudian dihantar ke BHEP dan dibawa ke dalam mesyuarat Pra TAPA bagi mendapatkan pengesahan keperluan kewangan. Bagi permohonan yang diluluskan, pelajar perlu membuat pembentangan perancangan aktiviti di hadapan jawatankuasa TAPA UiTMCM. Di peringkat akhir, dokumen permohonan yang telah disahkan akan dibawa ke dalam Mesyuarat Induk TAPA untuk diluluskan. Surat kelulusan program akan dikeluarkan setelah mendapat pengesahan mesyuarat untuk tindakan selanjutnya. ([rujuk 6.2.3: Carta Alir Permohonan Aktiviti Pelajar](#)).

Perkongsiannya merupakan proses utama yang ketiga, di mana UiTMCM dapat memperkasakan jaringan bersama industri serta memberikan pendedahan praktikal kepada pelajar. Mengenalpasti industri yang memerlukan kepakaran atau mampu menyumbang ke arah pembaikan dan peningkatan kemampanan universiti dan industri merupakan perkara paling penting di dalam proses ini. Tindakan seterusnya adalah sama seperti proses aktiviti pelajar bersama industri.

Proses terakhir adalah proses menjalankan projek keusahawanan bagi memupuk nilai keusahawanan di kalangan graduan UiTMCM. Secara amnya, proses ini dibahagikan kepada 5 peringkat. Dimulakan dengan penyediaan kertas cadangan di atas permintaan perkhidmatan atau permintaan pihak ketiga (pelanggan), serta mengenalpasti kadar harga bagi aktiviti penajaan tersebut. Peringkat kedua melibatkan pembentangan kertas cadangan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penajaan Pendapatan bagi mendapatkan kelulusan. Seterusnya, draf MoU/MoA disediakan dan dihantar ke Pejabat Penasihat Undang Undang UiTMCM untuk semakan dan pengesahan. Setelah selesai peringkat ini, projek boleh dijalankan seperti yang dirancang. Peringkat ke 4 adalah proses penerimaan dan perekodan pendapatan yang mematuhi tatacara terimaan yang telah ditetapkan. Pemantauan dan pelaporan aktiviti penajaan dilakukan bagi menilai prestasi keberkesanan aktiviti yang dilaksanakan ([rujuk 6.2.4: Garis Panduan Penajaan Pendapatan UiTM](#)).

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_O01_OB02_20221_UiTMCM_6.2.1 Pekeliling Naib Canselor bilangan 04 2021 Pekeliling Pengurusan Memorandum Persetujuan MOA.pdf](#)
2. [K0062_O01_OB02_20222_UiTMCM_6.2.2 Carta Alir Proses Pengurusan MoUMoA.pdf](#)
3. [K0062_O01_OB02_20223_UiTMCM_6.2.3 Carta Alir Permohonan Aktiviti Pelajar.pdf](#)
4. [K0062_O01_OB02_20224_UiTMCM_6.2.4 Garis Panduan Penjanaan Pendapatan UiTM.pdf](#)
- 5.

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTMCM telah melaksanakan model PDCA (Plan, Do, Check, Action) di dalam proses kerja utama bagi setiap projek yang dirancang di bawah JI&K. Selari dengan OS1, UiTMCM berkolaborasi dengan Pusat Haemodialisis Sinar Sdn Bhd bagi **Projek Sinar Haemodialisis Patient Management System**. Kertas cadangan dan permohonan beserta draf memorandum dihantar ke Pejabat Undang-Undang untuk semakan dan dimajukan ke MEU/LPU untuk mendapat kelulusan (P). Projek pembangunan sistem dimulakan berdasarkan 3 modul yang telah dirancang (D). Sistem yang telah dibangunkan diuji keberkesannya (C). Sebarang masalah pada sistem dikenalpasti dan diselesaikan. (A) ([rujuk 6.3.1: MoA Projek Sinar Haemodialisis Patient Management System](#)). Program **International Collaborative Talk on Trends in Information System Engineering** berjaya mendedahkan kepada pelajar berkenaan perkembangan teknologi di industri. Kertas kerja dan borang permohonan disemak, disokong dan diluluskan diperingkat Mesyuarat pra TAPA dan Jawatankuasa TAPA (P). Program dijalankan mengikut perancangan (D). Borang maklum balas *Google Form* diedarkan kepada pelajar dan pihak industri terlibat bagi mengukur tahap keberkesanan program (C). Perbincangan *post-mortem* diadakan bagi tujuan penambahbaikan (A) ([rujuk 6.3.2: Laporan Program Aktiviti Pelajar Bersama Industri](#)). **Bizwomen** merupakan program yang membantu golongan ibu tunggal di Melaka yang terjejas pendapatan semasa Pandemik Covid-19 dengan membantu memasarkan produk dan menjalankan perniagaan dalam talian. Borang permohonan disemak, disokong dan diluluskan oleh TRPJI UiTMCM (P). **Bizwomen** melibatkan bengkel dan *one-to one monitoring* selama 3 bulan (D). Kajian keberkesanan program terhadap peserta dijalankan. Perbandingan hasil pendapatan dari perniagaan dalam talian sebelum dan selepas program dibentangkan untuk mengukur keberhasilan (C). Maklumbalas peserta dan pensyarah terlibat dianalisa bagi tujuan penambahbaikan (A) ([rujuk 6.3.3: Laporan Impak Bizwomen](#)).

UiTMCM merupakan Pusat Bertauliah **Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)** di bawah inisiatif '1 Student 1 Skill' Fasa 1 menerima tawaran melaksanakan latihan di bawah Program SLDN ([rujuk 6.3.4: Surat Tawaran dan Kertas Kerja Pelaksanaan SLDN](#)). Dimulai dengan 2 sesi induksi yang dihadiri oleh wakil pusat bertauliah yang terlibat, bersama SLDN dibawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan pendaftaran UiTMCM ke dalam sistem SLDN. Audit Penentusahan dijalankan oleh JPK, proses diteruskan dengan sesi induksi siri ke 3 dan pemeeteraian LoA diantara kedua pihak. Seterusnya, proses penyelarasan dan audit modul serta proses pengambilan perintis dijalankan (P). Program bermula dengan latihan teori dan amali dan diakhiri dengan proses penilaian pencapaian pelajar (D). Kajian keberkesanan program diedarkan kepada pelajar dan pensyarah menggunakan *Google Form* (C). Maklumbalas tersebut dianalisa untuk penambahbaikan (A). Selari dengan OS2, **Projek Teja Honey** oleh Unit Keusahawanan (MASMED), PJI UiTMCM melahirkan pelajar yang berciri keusahawanan selain menyumbang kepada penjanaan pendapatan UiTMCM secara umumnya (P). TRPJI mengeluarkan arahan kepada pegawai bertanggungjawab untuk menghasilkan draf kertas kerja dengan perincian projek. Setelah diluluskan, sarang koloni lebah dan peralatan dibeli dari pembekal. Proses penuaian dilakukan secara bulanan, disusuli proses penapisan dan pembotolan madu. Produk dijual melalui pesanan awal atau jualan langsung (D). Proses dan hasil madu dipantau bagi memastikan kualiti terpelihara. Hasil jualan dilaporkan sebagai penyata pendapatan UiTMCM (C). Segala isu dan kekangan di dalam keseluruhan proses dilaporkan dan ditambah baik dari semasa ke semasa (A) ([rujuk 6.3.5: Carta Alir Proses Penghasilan Madu Kelulut](#)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_O01_OB03_20221_UiTMCM_6.3.1 MoA Projek Sinar Haemodialisis Patient Management System.pdf](#)

2. [K0062_O01_OB03_20223_UiTMCM_6.3.2 Laporan Program Aktivitas Sejahtera Bersama Industri.pdf](#)
3. [K0062_O01_OB03_20223_UiTMCM_6.3.3 Laporan Impak Bizwomen.pdf](#)
4. [K0062_O01_OB03_20224_UiTMCM_6.3.4 Surat Tawaran dan Ketas Kerja Pelaksanaan SLDN pdf.pdf](#)
5. [K0062_O01_OB03_20225_UiTMCM_6.3.5 Carta Alir Proses Penghasilan Madu Kelulut.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi memastikan operasi **Jaringan Industri dan Keusahawanan** berada pada tahap yang optimum selari dengan nilai **Sinergibersama dan Sinergitrust dalam memacu jaringan industri dan keusahawanan kampus**, UiTMCM menerusi PJI menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan bagi memantau inisiatif-inisiatif universiti yang dijalankan. Pemantauan terhadap setiap inisiatif jaringan industri yang dijalankan dibuat secara berkala melalui Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri ([rujuk 6.4.1.1: Minit Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri](#)) di mana laporan JI&K dibentang dan dibincang di dalam mesyuarat yang dijalankan secara berkala. Hasil jangkaan terhadap pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik JI&K bagi menjamin kelestarian pencapaian adalah selari dengan objektif strategik OS1. Melalui mesyuarat yang dijalankan, data berkenaan jaringan industri dan laporan MoU/MoA diambil dari sistem SMART dan dilaporkan bagi mendapat maklumbalas ahli mesyuarat yang hadir. Bagi inisiatif keusahawanan yang dijalankan, pemantauan juga dibuat secara berkala di mana laporan program inkubator keusahawanan UiTMCM dibentang dan dibincang di dalam mesyuarat Jawatankuasa Endowmen Negeri ([rujuk 6.4.1.2: Minit Mesyuarat Jawatankuasa Endowmen Negeri](#)). Melalui mesyuarat ini, laporan penyata kedudukan kewangan, laporan penyata aktiviti waqaf dan laporan penyata aliran tunai turut dibentang kepada ahli mesyuarat secara terperinci. Melalui proses-proses utama yang terlibat di dalam prosedur JI&K, hasil jangkaan terhadap pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik JI&K dapat melonjakkan hasil seperti peningkatan bilangan MoU/MoA di peringkat kampus, pencapaian peningkatan bilangan kebolehpasaran graduan ([rujuk 6.4.1.3: Laporan Pencapaian PI ICAN UiTMCM](#)) dan pencapaian peratusan usahawan pelajar dapat dicapai ([rujuk 6.4.1.4: Laporan Pencapaian PI MASMED UiTMCM](#)) dan ini adalah selari dengan OS2 iaitu menghasilkan graduan seimbang dan berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global.

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_O01_OB04_OC01_20221_UiTMCM_6.4.1.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri.pdf](#)
2. [K0062_O01_OB04_OC01_20222_UiTMCM_6.4.1.2 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Endowmen Negeri.pdf](#)
3. [K0062_O01_OB04_OC01_20223_UiTMCM_6.4.1.3 Laporan Pencapaian PI ICAN UiTMCM.pdf](#)
4. [K0062_O01_OB04_OC01_20224_UiTMCM_6.4.1.4 Laporan Pencapaian PI MASMED UiTMCM.pdf](#)
- 5.

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMCM memandang serius dalam memastikan pengurusan risiko terus diberikan penekanan dalam setiap pengurusan operasi agar objektif kualiti dapat dicapai pada tahap optimum. Bagi mencapai OS1 dan 2, UiTMCM telah melaksanakan pengurusan risiko yang terlibat di dalam pengurusan operasi JI&K termasuklah tidak mendapat maklumat atau data yang lengkap daripada ketua projek. Selain itu, bukti-bukti seperti gambar atau dokumen-dokumen yang penting bagi menyokong sesuatu projek juga tidak dilampirkan dan ini akan melambatkan proses penghantaran maklumat ke dalam sistem SMART ([rujuk 6.4.2.1: Risiko ICAN UiTMCM](#)). Bagi proses yang melibatkan aktiviti pelajar dengan pihak luar, risiko seperti kelewatan penerimaan kertas kerja dan permohonan yang tidak lengkap juga melambatkan sesuatu inisiatif untuk dijalankan. Beberapa langkah dan proses pengurusan risiko dilaksanakan seperti mewujudkan emel ICAN Melaka dan menyediakan *Google Form* ([rujuk 6.4.2.2: Google Form ICAN UiTMCM](#)) bagi tujuan membolehkan ketua projek bagi setiap inisiatif-inisiatif yang dijalankan memuat naik segala maklumat data yang diperlukan dalam sistem SMART. Selain itu, pihak PJI juga akan menghubungi ketua projek bagi inisiatif terlibat untuk mendapatkan maklumat atau data yang lengkap bagi melancarkan proses penghantaran maklumat ke dalam sistem SMART. Bagi inisiatif yang melibatkan keusahawanan, risiko yang terlibat termasuk tiada akaun rasmi bendahari untuk pembayaran jualan madu kelulut. Pembayaran secara tunai atau ke dalam akaun pegawai bertanggungjawab dan direkod secara manual. Ini boleh menyebabkan kehilangan wang dan kemungkinan lupa untuk rekod. Bagi mengatasi risiko yang terlibat, bendahari UiTMCM telah mewujudkan satu akaun khas bagi mengumpul hasil jualan. Poster hebahan kaedah pembayaran ([rujuk 6.4.2.3: Poster Madu Kelulut Teja Honey](#)) turut disertakan bagi memudahkan pelanggan untuk berurusan di dalam proses jual beli.

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_O01_OB04_OC02_20221_UiTMCM_6.4.2.1 Risiko ICAN UiTMCM.pdf](#)
2. [K0062_O01_OB04_OC02_20222_UiTMCM_6.4.2.2 Google Form ICAN UiTMCM.pdf](#)
3. [K0062_O01_OB04_OC02_20223_UiTMCM_6.4.2.3 Poster Madu Kelulut Teja Honey.pdf](#)
- 4.
- 5.

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCM komited dalam memastikan segala inisiatif-inisiatif JI&K dapat diuruskan dengan baik seiring dengan nilai **Sinergibersama dan Sinergitrust dalam memacu jaringan industri dan keusahawanan kampus**. Inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh pihak pelajar dan universiti direkod dan dipantau dari masa ke semasa dengan bertujuan tindakan penambahbaikan operasi dapat dijalankan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, bagi inisiatif penjualan Teja Honey, pihak bendahari UiTMCM telah membuka akaun khas ([rujuk 6.4.3.1: Akaun Bendahari Teja Honey](#)) bagi melancarkan proses untuk merekod hasil jualan Teja Honey dan hasil jualan dibentangkan di dalam Mesyuarat Endowmen Negeri. Kajian maklumbalas pelanggan ([rujuk 6.4.3.2: Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan](#)) direkod dan dibentang di dalam mesyuarat untuk mendapat kata putus berkenaan tindakan yang perlu diambil. Berdasarkan laporan kajian kepuasan pelanggan yang diterima, UiTMCM mengambil maklum dan mengatasi masalah seperti prosedur penyelidikan dan pendaftaran perundingan berbayar yang tidak konsisten. Usaha yang berterusan terhadap operasi UiTMCM dari pihak PJI dapat menjamin mutu kerja yang baik dan dapat memudahkan urusan pelanggan sekaligus dapat mewujudkan budaya kerja yang lebih efisien.

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_O01_OB04_OC03_20221_UiTMCM_6.4.3.1 Akaun Bendahari UiTMCM Bagi Teja Honey.pdf](#)
2. [K0062_O01_OB04_OC03_20222_UiTMCM_6.4.3.2 Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Tindakan penambahbaikan merupakan antara elemen penting dalam pengoperasian UiTMCM. UiTMCM melalui PJI sentiasa menitikberatkan aspek penambahbaikan dan pembaharuan untuk memastikan kualiti yang terbaik dalam aspek pengurusan operasi. Pihak PJI telah mewujudkan emel ICAN dan Google Form ([rujuk 6.5.1: Emel ICAN & Google Form](#)) bagi memudahkan dan melancarkan penyaluran maklumat yang diperlukan ke dalam sistem SMART. Selain itu, PJI melalui Timbalan Rektornya telah mewujudkan senarai tugas yang terperinci bagi memantau tugas-tugas rutin dan adhoc yang telah diamanahkan kepada staf PJI melalui minit mesyuarat unit masing-masing ([rujuk 6.5.2: Minit Mesyuarat PJI Bil. 1/2021](#)). Dengan mewujudkan kaedah penyaluran maklumat yang lebih baik, ia telah menyumbang kepada pencapaian seperti pentauliahkan dari Kementerian Sumber Manusia yang menobatkan UiTMCM sebagai universiti awam pertama yang menjadi Pusat Tauliah SLDN. Program SLDN ini juga telah menerima Anugerah Khas Rektor iaitu Anugerah Program Kerjasama Industri Terbaik 2021 bagi inisiatif SLDN ([rujuk 6.5.3: Anugerah Khas Rektor SLDN UiTMCM](#)). Selain itu, melalui inisiatif BIZWOMEN yang telah dijalankan, UiTMCM telah berjaya meningkatkan hasil pendapatan dan taraf ekonomi bagi golongan ibu-ibu tunggal B40. Melalui inisiatif ini, UiTMCM telah memenangi Anugerah MeTIC 2022 (Sijil Anugerah Projek Komuniti Berimpak Tinggi Terbaik-Jaringan Komuniti) peringkat Cawangan ([rujuk 6.5.4: Anugerah MeTIC BIZWOMEN](#)). Selain itu, tiga (3) program jaringan industri telah diiktiraf sebagai program terbaik sepanjang tahun melalui Anugerah Bestari ICAN 2021 ([rujuk 6.5.5: Anugerah Bestari ICAN UiTMCM](#)) dimana penghargaan ini dapat memberi motivasi kepada staf untuk menjalankan program-program yang berimpak tinggi. Dengan pembudayaan **Sinergibersama dan Sinergitrust** dalam pemantapan operasi UiTMCM, ia telah menjadikan UiTMCM sebagai pusat tauliah dan sebuah universiti yang berdaya saing di peringkat global.

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_O01_OB05_20221_UiTMCM_6.5.1 Email ICAN & Google Form.pdf](#)
2. [K0062_O01_OB05_20222_UiTMCM_6.5.2 Minit Mesyuarat PJI Bil. 1 2021.pdf](#)
3. [K0062_O01_OB05_20223_UiTMCM_6.5.3 Anugerah Khas Rektor SLDN UiTMCM.pdf](#)
4. [K0062_O01_OB05_20224_UiTMCM_6.5.4 Anugerah MeTIC BIZWOMEN.pdf](#)
5. [K0062_O01_OB05_20225_UiTMCM_6.5.5 Anugerah Bestari ICAN UiTMCM.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

HASIL SUMBER MANUSIA

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan sumber manusia UiTMCM yang efisien dan berstrategik oleh Pengurusan Kanan UiTMCM telah berjaya **menggerakkan Jaringan Industri dan Keusahawanan** kampus bersama warga UiTMCM dari ketiga-tiga kampus **KAG, KBM dan KJM**.

Bagi pencapaian sumber manusia UiTMCM untuk bidang tumpuan **JI&K**, **kesemua hasil pencapaian PI sumber manusia **JI&K UiTMCM 2021** telah berjaya untuk capai sasaran malah ada yang melebihi sasaran** yang ditetapkan. Sebahagian dari pencapaian sumber manusia UiTMCM adalah **hasil bilangan dan hasil jumlah geran penyelidikan nasional** melalui **Projek Teja, antarabangsa dan industri yang banyak memberi impak positif kepada UiTMCM**.

Bagi hasil pencapaian sumber manusia dari tahun ke tahun pula, didapati bahawa **terdapat tren yang positif dan melebihi sasaran yang ditetapkan**. Tren yang digunakan bagi penganalisaan **dari sumber manusia** adalah **tren staf akademik berkelebihan PhD, tren bilangan projek perundingan, tren pencapaian penerbitan, tren kelayakan professional staf dan tren bilangan penerbitan artikel berimpak tinggi**.

Perbandingan antara kampus, organisasi dalam dan luar negara turut dianalisa dalam menjadikan UiTMCM sebagai kampus yang terkenal di peringkat global. Antara perbandingan tersebut, UiTMCM turut diberikan pengiktirafan seperti **pencapaian staf akademik yang memperoleh bilangan dan jumlah geran penyelidikan, penerbitan berindeks Scopus/WoS/ERA dan juga peningkatan indeks kegembiraan**.

Projek-projek yang diuruskan UiTMCM telah menyumbang dalam **pembangunan kampus, pembangunan komuniti, pembangunan UiTM secara keseluruhan** sekaligus melakar pencapaian hingga ke **peringkat nasional dan antarabangsa** seperti **kejayaan staf akademik dalam Anugerah Bestari ICAN 2021, 'Waste to Art', MTE 2021 dan ITEX 2021** serta **pemeteraian memorandum persetujuan (MoA) Bersama industri**. Berteraskan Nilai **sinergibersama dan sinergitrust** dalam memacu jaringan industri dan keusahawanan kampus, UiTMCM telah berjaya dalam menguruskan **hasil sumber manusia **JI&K UiTMCM** pada tahun 2021**.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_K0062_HB02_20221_UiTMCM_7.1.2 Tahap \(Level\).pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_K0062_HB03_20222_UiTMCM_7.1.3 Trend \(Tren\).pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_K0062_HB04_20223_UiTMCM_7.1.4 Comparison \(Perbandingan\).pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_K0062_HB05_20224_UiTMCM_7.1.5 Importance \(Kepentingan\).pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

HASIL DARIPADA OPERASI

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Amalan nilai **Sinergibersama dan Sinergitrust dalam memacu jaringan industri dan keusahawanan kampus** seperti yang telah diilhamkan oleh Pengurusan Kanan UiTMCM telah berjaya diterapkan kepada semua warga UiTMCM. Perkara ini terbukti dengan terhasilnya beberapa program yang telah memberikan impak yang sangat positif kepada industri mahupun aktiviti keusahawanan di antara UiTMCM dan pihak luar di peringkat nasional dan juga secara global sepertimana yang telah direncanakan di dalam PS UiTMCM tahun 2021 melalui **Program TEJA**.

Pelbagai program yang melibatkan kolaborasi antara UiTMCM dengan pihak industri, kerajaan dan komuniti telah dirancang dan menunjukkan keberhasilannya dengan pencapaian dan anugerah yang berprestij. **Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang memfokuskan '1 Student 1 Skill'** mengangkat UiTMCM sebagai satu-satunya IPTA di Malaysia yang telah diberikan pentauliah sebagai Pusat Bertauliah (PB) SLDN. Program **BizWomen** anjuran FKPM UiTMCM juga berjaya dalam misinya dalam membantu golongan ibu tunggal B40 untuk meningkatkan kemahiran dalam mempromosikan produk jualan mereka dengan menggunakan aplikasi internet. Kajian tentang **Kesedaran Pengusaha Makanan dan Minuman dalam Pensijilan Halal** pula telah dijalankan dengan melibatkan sampel seramai 20 pengusaha makanan di seluruh Malaysia dalam memberikan kesedaran akan kepentingan pemilikan sijil Halal JAKIM Malaysia.

Sebagai **PB SLDN**, UiTMCM dapat manfaatnya dari segi jaringan industri dan peningkatan penjana pendapatan UiTMCM di samping dapat meningkatkan tenaga mahir di kalangan pensyarah serta pelajar di dalam pelbagai aspek. **BizWomen** pula telah dijalankan dengan memfokuskan tiga fasa iaitu peringkat pra, monitoring dan peringkat pasca. Perundingan untuk Program Pensijilan Halal pula telah memberi kesedaran kepada para pengusaha makanan dan minuman yang bertindak sebagai responden dalam kajian pensijilan halal menunjukkan peningkatan selepas melalui empat fasa dalam kaedah intervensi.

Kecekapan pengurusan operasi juga menarik minat UiTM Cawangan Kelantan dan UTM untuk membuat penandaarasan bagi program pentauliah UiTMCM sebagai PB SLDN. Hasil pendapatan perantis selepas menyertai program BizWomen telah menunjukkan peningkatan yang membanggakan selepas menyertai program tersebut. Selain itu, kesedaran daripada pengusaha makanan dan minuman akan kepentingan pemilikan pensijilan halal JAKIM dapat dipertingkat.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_K0062_HB02_20221_UiTMCM_7.2.2 Tahap \(Level\)_2908.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_K0062_HB03_20222_UiTMCM_7.2.3 Trend \(Tren\)_3008.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_K0062_HB04_20223_UiTMCM_7.2.4 Perbandingan Tandaaras \(Comparison Benchmark\)_3008.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_K0062_HB05_20224_UiTMCM_7.2.5 Kepentingan \(Importance\)Edited_30082022.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

HASIL DARIPADA PERANCANGAN STRATEGIK

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan Strategik (PS) UiTMCM yang efisien dan berstrategik oleh Pengurusan Kanan dalam **menggerakkan Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K)** kampus bersama warga UiTMCM dari ketiga-tiga kampus **KAG, KBM dan KJM** telah menobatkan UiTMCM sebagai universiti yang memegang PI berstatus 6-bintang iaitu sebanyak **95% pada tahun 2021**

Terdapat 2 Objektif Strategik (OS) telah difokuskan dalam menilai hasil sasaran dan pencapaian PS bagi bidang tumpuan iaitu **OS1** : Memperkasa jaringan strategik bersama industri manakala **OS2** : Menghasilkan graduan seimbang dan berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global. Pencapaian OS yang ditetapkan ini adalah berpandukan kepada **Program TEJA yang terbahagi kepada Projek InFac dan juga Projek Usahawan Bestari**

Bagi pencapaian PI UiTMCM untuk bidang tumpuan JI&K, kesemua hasil pencapaian PI JI&K UiTMCM 2021 telah berjaya mencapai sasaran malah ada yang melebihi sasaran yang ditetapkan. Pengurusan risiko UiTMCM turut diambil kira dalam menganalisa risiko yang terlibat dalam pencapaian PI dan juga tindakan penambahbaikan telah diambil bagi mencegah risiko tersebut.

Bagi hasil pencapaian PI dari tahun ke tahun pula, didapati bahawa terdapat tren yang positif dan melebihi sasaran yang ditetapkan. Tren yang digunapakai bagi penganalisaan **OS1** dan **OS2** adalah tren yang melibatkan PI JI&K, tren indeks kepuasan graduan terhadap UiTMCM, tren jaringan industri oleh Kelab Sukarelawan Zakat (SUZA) UiTMCM bersama Islamic Relief Malaysia (IRM), tren penajaan pendapatan Teja Honey, tren hasil keusahawanan sosial (RM) yang dijana oleh SUZA dalam *Charity Week* 2021, tren peratusan graduan UiTMCM yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan tren indeks kepuasan hati graduan terhadap bimbingan kerjaya UiTMCM.

Perbandingan antara kampus, organisasi dalam dan luar negara turut di analisa dalam menjadikan UiTMCM sebagai kampus yang berdaya saing di peringkat global. Antara perbandingan tersebut, UiTMCM turut diberikan pengiktirafan sebagai antara kampus yang terbaik dalam pengurusan PI dan juga pengurusan JI&K kampus

Projek-projek inisiatif strategik yang diuruskan UiTMCM dalam Projek InFac dan Usahawan Bestari telah menyumbang dalam **pembangunan UiTMCM, pembangunan komuniti , pembangunan UiTM secara keseluruhan** sekaligus melakar pencapaian hingga ke **peringkat nasional dan antarabangsa**. Berteraskan **Nilai Sinergibersama dan Sinergitrust dalam memacu jaringan industri dan keusahawanan kampus**, UiTMCM telah berjaya dalam menguruskan Perancangan Strategik JI&K UiTMCM pada tahun 2021.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_K0062_HB02_20221_UiTMCM_7.3.2 LEVEL \(Tahap\) \(1\).pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_K0062_HB03_20222_UiTMCM_7.3.3 TREND \(Tren\) \(1\).pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_K0062_HB04_20223_UiTMCM_7.3.4 COMPARISON \(Perbandingan\) \(1\).pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_K0062_HB05_20224_UiTMCM_7.3.5 IMPORTANCE \(Kepentingan\) \(1\).pdf](#)